



PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

House of Representatives

PARLIMEN KELIMA

Fifth Parliament

PENGGAL KEDUA

Second Session

KANDUNGANNYA

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 2225]**

**USUL UNTUK MENGEMUKAKAN RANG UNDANG-UNDANG AHLI
PERSENDIRIAN:**

Kod Peraturan Jenayah Pindaan), 1980 [Ruangan 2283]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Notari Awam (Pindaan) [Ruangan 2292]

**Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) [Ruangan
2297]**

**Rang Undang-undang Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan
Perceraian) (Pindaan) [Ruangan 2299]**

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELIMA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' (DR) SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.P., P.I.S., B.S.I.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Wilayah Persekutuan, DATO' HUSSEIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.S., S.S.A.P. (Kubang Pasu).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).

„ Menteri Undang-undang, DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).

„ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TAN SRI DATO' HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., S.P.D.K., S.S.I.J. (Tenggaroh).

„ Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Pertahanan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).

„ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Pelajaran, DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).

„ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Jelebu).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).

„ Menteri Pertanian, DATO' SHARIFF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).

„ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).

„ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' RICHARD HO UNG HUN, S.P.M.P. (Lumut).

Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu).
- „ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN LEO MOGGIE ANAK IROK, (Kanowit).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO YEE PAN, D.P.M.J. (Muar).
- „ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' S. SAMY VELLU, D.P.M.S., A.M.N., S.M.S., P.C.M. (Sungei Siput).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATO' MANSOR BIN OTHMAN, K.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM, D.S.L.D. (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATUK HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., S.M.T., P.B. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerlun-Langkawi).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN MAK HON KAM, J.M.N., A.M.P. (Tanjong Malim).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATUK DR NIK HUSSEIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN CLARENCE E. MANSUL (Penampang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK CHIN HON NGIAN (Renggam).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, DATO' ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., A.M.N., P.I.S. (Ledang).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD (Johor Bahru).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH BIN HAJI AHMAD, K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.M.T., S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK THAMBY CHIK, P.J.K. (Alor Gajah).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN (Gaya).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. KASSIM *alias* YAHYA BIN AHMAD (Machang).
- „ TUAN ABBAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABBAH (Bandau).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) HAJI ABDUL RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Paloh).
- „ TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ (Tanjung Karang).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUAN A.K. ALIUDDIN BIN PENGIRAN HAJI MOHD. TAHIR (Kimanis).
- „ TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON, A.S.D.K., A.D.K., J.P.U., J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).

- Yang Berhormat TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ TUAN CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).
- „ TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO' MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- „ PUAN CHOW POH KHENG, S.M.S. (Ulu Langat).
- „ TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. DAVID (Damansara).
- „ TUAN EDWARD ESNEN UNANG (Mukah).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- „ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASHIM BIN ENDUT (Ulu Muda).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI, A.M.N. (Matang).
- „ TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- „ DR HEE TIEN LAI, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).
- „ TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DATUK LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).

- Yang Berhormat TUAN LEE KAW (Kluang).
- ” TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- ” TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- ” TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- ” TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING, A.M.K. (Padang Serai).
- ” TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- ” TUAN LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, J.B.S. (Kapit).
- ” TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI (Grik).
- ” TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- ” TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- ” TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- ” TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, D.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- ” TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, A.M.P. (Parit).
- ” TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- ” TUAN MOHD. NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).
- ” TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- ” TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S. (Pagoh).
- ” TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- ” TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- ” DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.N.B.S., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- ” DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).
- ” TUAN OO GIN SUN, A.M.K., S.D.K. (Alor Star).
- ” TUAN PATRICK ANAK UREN (Mas Gading).
- ” TUAN P. PATTO (Menglembu).
- ” TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Bukit Mas).
- ” DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Silam).
- ” DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- ” TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- ” TUAN SHAARI BIN JUSOH, J.M.N., A.M.P., P.P.N., P.P.M.. (Kangar).
- ” TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- ” PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI MOHAMMED (Semerah).
- ” TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- ” TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- ” TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, A.M.N., S.M.S. (Sepang).
- ” TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, A.M.P., P.J.K. (Arau).

Yang Berhormat TUAN RAYMOND SZE TU MEI THONG (Lambir).

- ” TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- ” DR TAN TIONG HONG (Kepong).
- ” TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- ” TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- ” TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- ” TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- ” WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- ” WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungei Petani).
- ” TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- ” DR WONG SOON KAI, P.B.S. (Sibu).
- ” TUAN YANG CHOONG FU (Kinta).
- ” PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- ” DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- ” TUAN YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI, P.I.S., B.S.I. (Panti).
- ” TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI, P.J.K. (Permatang Pauh).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz
Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar
Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.
Penolong Penyunting: P. B. Menon.
Penolong Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita

N. Ramaswamy.
Louis Yeoh Sim Ngoh.
Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.
Suhor bin Husin.
Amran bin Ahmad.
Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.
Margaret Chye Kim Lian.
Puan Ng Chong Kin.
Puan Kong Yooi Thong.
Juliah binti Awam.
Supiah binti Dewak.
Ismail bin Hassan.
Shamsiah binti Mohd. Yusof.
Kalsom bin Ghazali

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Rabu, 11hb Jun, 1980

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

*(Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat)*JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAANKOMUNISMA—LANGKAH
MEMBASMI PENGARUH

1. **Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan adakah beliau sedar bahawa komunis memerlukan kemiskinan rakyat untuk menghancurkan Kapitalisma, Islamisma dan Liberalisma dan jika ya, apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk membentasi masalah yang rumit ini makin bertambah rumit dengan adanya golongan pemimpin yang menggunakan agama untuk menentang pembangunan dan pemodenan yang merupakan satu persediaan yang baik bagi komunisma untuk bertapak di dalam negara kita.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj): Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan biasanya menyedari bahawa komunis biasanya mencari kelemahan-kelemahan Kerajaan dan mengeksploitasi kelemahan itu termasuklah masalah kemiskinan rakyat untuk kepentingan mereka itu. Sebagaimana yang diketahui umum pihak Kerajaan semangnyalah sentiasa memberi perhatian yang amat berat tentang soal ini seperti mana kita ketahui langkah-langkah untuk membasminya telah, sedang dan akan terus dilaksanakan sebagaimana yang terdapat dalam rancangan-rancangan pembangunan Malaysia yang sedang pesat dijalankan.

Oleh yang demikian, Kerajaan akan bertindak tegas mengikut undang-undang ke atas sesiapa sahaja yang mengguna apa jua cara sekalipun termasuklah kegunaan agama yang boleh membantu kepentingan komunis dan menghalang usaha-usaha Kerajaan.

Tuan Chan Teck Chan: Saya ingin sekali bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah sebabnya Kerajaan tidak mahu mengeluarkan satu Kertas Putih tentang satu kenyataan yang dibuat oleh seorang Pegawai Polis dalam Seminar Wanita di Wilayah Persekutuan tentang adanya segolongan pelampau yang menggunakan agama mahu menjatuhkan Kerajaan yang ada terlibat bekas perajurit dan kakitangan Kerajaan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar ada satu golongan ekstremis di Malaysia ini tetapi Kertas Putih belum lagi dikeluarkan.

Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, itu soalan lain.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa memanglah sebagaimana jawapan tadi kemiskinan merupakan yang sangat diperlukan oleh komunis bagi menghancurkan sesebuah negara sebagaimana negara kita. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri tahap kemiskinan yang bagaimanakah peringkat yang membolehkan komunis mempengaruhi rakyat di dalam sesebuah negara itu dan apakah negara pertanian seperti negara kita ini tidak akan mudah dipengaruhi oleh sosialisma dan juga komunisma.

Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan tambahan tadi tahap kemiskinan yang boleh mempengaruhi rakyat kepada fahaman komunis saya rasa tidaklah sekali akan terjadi di dalam negara kita yang mana sedang

pesat membangun ini, yang mana kita ketahui selama Kerajaan di bawah pimpinan Barisan Nasional yang mana telah merdeka ini tidak ada lagi didapati rakyat yang lapar ataupun miskin hingga mati kelaparan yang mana dapat dipengaruhi oleh anasir-anasir termasuklah anasir-anasir komunis melainkan pengaruh ini adalah didatangi oleh anasir-anasir daripada luar yang bertujuan hendak mempengaruhi rakyat dan juga hendak menjadikan negara ini negara komunis.

Selain daripada itu, usaha-usaha sebagaimana yang saya telah terangkan tadi sedang dijalankan oleh Kerajaan untuk melaksanakan rancangan-rancangan pembangunan dan dengan itu saya rasa tidaklah berbangkit masalah kemiskinan yang boleh dipengaruhi oleh komunis.

Tuan Hashim bin Endut: Tuan Speaker, di dalam jawapan Timbalan Menteri tadi ada mengatakan Kerajaan akan mengambil tindakan tegas atas tindak-tanduk komunis dalam berbagai jenis. Soalannya adakah perbuatan durjana tunjuk perasaan di Wisma Negeri pada 23hb Januari, 1980 juga di-anjur ataupun dirancangkan oleh komunis. Kalau ya, apakah tindakan lanjut berkenaan dengan ini.

Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini juga tidak ada kena-mengena dengan soalan asal.

Tuan Yang di-Pertua: Saya pun tidak dengar sangat. Cuba sebutkan sekali lagi apa jawapannya.

Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Soalan ini tidak berkaitan dengan soalan asal.

Tuan Yang di-Pertua: Ini adalah disebutkan komunis. Dia bertanya sahaja. Sebenarnya kalau tidak ada kena-mengena, saya tahanlah tetapi saya tidak tahan kerana ada kaitannya itu, cuma sama ada banyak atau sedikit sahaja. Dia bertanya sahaja sama ada komunis atau tidak; tetapi tidak apalah kalau sudah lain, lainlah.

Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, saya kira perkara tunjuk perasaan di Wisma Negeri

yang berlaku dalam beberapa bulan dahulu tidaklah bersangkutan-paut dengan fahaman komunis.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, itulah sahaja jawapannya.

Tuan Yusof bin Malim Kuning: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah Kerajaan selama ini mendapat bukti bahawa komunis telah menggunakan agama Islam sebagai taktiknya untuk mempengaruhi rakyat.

Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, memang ada tanda-tanda yang mana komunis juga mencuba menggunakan agama untuk mempengaruhi rakyat kepada ideologi ataupun jalan-jalan mereka itu, dan langkah-langkah telahpun diambil untuk membasmi segala kegiatan-kegiatan dan juga usaha-usaha mereka itu.

Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri telahpun menyatakan bahawa pihak komunis ada menggunakan agama iaitu daripada segi dakwah dan sebagainya untuk mengelirukan rakyat terutama sekali yang ada di luar bandar. Saya ingin bertanya sama ada pihak Kementerian juga ada mengadakan dakwah-dakwah ataupun kerjasama dengan pihak Jabatan Penerangan untuk mengatasi dakwah-dakwah yang telah dijalankan oleh pihak komunis ini.

Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, memangnyalah pihak Kementerian menerusi operasi perang saraf sentiasa menjalankan kegiatan-kegiatan untuk memberi penerangan kepada orang ramai khususnya di kawasan-kawasan sensitif menerusi dakwah dengan kerjasama dari badan-badan yang lain seperti Jabatan Penerangan dan juga badan-badan dakwah untuk memerangi subversif komunis yang menggunakan agama sebagai alat.

Tuan Haji Ikhwan bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan ini, Islam adalah wahyu dari Allah kepada RasulNya untuk pegangan semua orang tetapi dalam negara Islam seolah-olah dipunyai oleh sebahagian orang. Saya ingin bertanya kepada Yang

Berhormat Timbalan Menteri kerana beliau dalam beberapa kenyataannya telah menyatakan yang perkara ini adalah perkara yang tidak betul, apakah tindakan Kerajaan terhadap segolongan orang di Malaysia yang menyatakan secara terbuka bahawa Islam adalah hak mereka sahaja. Umpamanya, dalam parti-parti Islam tetapi bukan hak orang Islam seluruhnya yang boleh mengelirukan rakyat dalam masalah pegangan agama mereka.

Tuan Yang di-Pertua: Ini tidak payah dijawab kerana saya tidak dengar Yang Berhormat Timbalan Menteri ada mengatakan Islam itu kepunyaan sebahagian orang sahaja. Saya tidak dengar. Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak jawab?

Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa ini tidak berkait dengan soalan asal.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah diperkatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi beliau menjawab dan memperkatakan seolah-olah komunis isi tersibar akibat daripada kemiskinan. Soalan saya adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa ramai juga orang kaya yang juga jadi komunis, dan kalau sedar apakah tindakan pihak Kerajaan disamping membasmi kemiskinan untuk membentasi-menghapuskan komunis yang dibantu oleh pihak-pihak yang kaya.

Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, langkah Kerajaan untuk membasmi komunis tidaklah terhad kepada kaya atau miskin, dan jika sekiranya orang-orang kaya pun yang terlibat dalam gerakan subversif dan mengancam keselamatan negara, maka Kerajaan akan mengambil tindakan-tindakan yang sewajarnya.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kita semua sedia maklum parti komunis diharamkan di dalam negara kita, adakah bukti-bukti yang didapati oleh Kerajaan sama ada komunis telah cuba hendak menjalankan pengaruh-pengaruhnya melalui parti-parti politik yang ada dalam negara kita sekarang, kalau ada, apakah

tindakan yang pernah diambil oleh Kerajaan, dan kalau ada tolong sebutkan nama parti tersebut.

Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, tidaklah ada bukti-bukti yang terang bahawa komunis cuba menggunakan parti-parti politik yang halal sungguhpun percubaan-percubaan mereka itu menerusi badan-badan yang bersangkutan dengan belia dan perburuhan ada akan tetapi sebagaimana yang telah saya terangkan tadi bahawa Kerajaan sentiasalah memerhati dan sekiranya keadaan keselamatan terancam, maka Kerajaan akan mengambil tindakan yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Ismail bin Said.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang ke 2.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini sekarang atas nama Yang Berhormat dari Tanah Merah.

UNIVERSITI TERBUKA

2. Tuan Hussein bin Mahmood (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar bahawa kedapatan pendapat yang bercanggah di kalangan ahli-ahli akademik berhubung dengan kemungkinan mewujudkan "Universiti Terbuka", jika sedar, adakah beliau bercadang hendak mengadakan satu dialog dengan ahli-ahli akademik ini untuk mengumpulkan pendapat-pendapat mereka.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sememangnya sedar terdapatnya pendapat yang bercanggah di kalangan ahli-ahli akademik berhubung dengan konsep "Universiti Terbuka". Oleh kerana konsep universiti terbuka ini ialah satu konsep baru bagi negara kita ini, memanglah banyak pendapat-pendapat disuarakan oleh semua pihak. Pendapat-pendapat ini sentiasa mendapat perhatian Kementerian saya sebagai panduan di dalam hal ini. Oleh kerana inilah hanya satu konsep sahaja, pada ketika ini adalah difikir tidak perlu diadakan dialog-dialog yang formal seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sama ada pihak Kementerian beliau ada membuat penyiasatan mengenai kemungkinan diadakan sebuah "Universiti Terbuka" di Malaysia ataupun di sebaliknya, dan kalau telahpun ada dibuat sebarang penyiasatan, apakah kemajuan-kemajuan setakat hari ini.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah jawab tadi.

Tuan Au How Cheong: Maafkan saya, Tuan Yang di-Pertua, apakah maksud "Universiti Terbuka" ini. Saya harap mendapat penjelasan.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, "Universiti Terbuka" bermakna Universiti itu buka" (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua: Apa yang terbuka Yang Berhormat? (*Ketawa*).

Tuan Chan Teck Chan: Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini, selepas pengumuman Yang Berhormat Menteri Pelajaran tentang "Universiti Terbuka" (Open University) dan selepas mendengar beberapa pandangan yang diutarakan oleh rakyat dan juga ahli akademik, maka bolehkah Yang Berhormat memberitahu Dewan ini apakah keputusan pendirian rasmi yang telah diambil oleh Kerajaan untuk mengwujudkan "Universiti Terbuka" ini.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, inilah yang saya katakan tadi satu konsep baru. Jika kita mesti mahu cakap-cakap dahulu baru kita boleh timbangkan macam mana cara akan disesuaikan.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohamed Yassin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan tadi bahawa universiti terbuka ini adalah satu konsep yang baru bagi negara kita tetapi saya percaya universiti terbuka bukanlah sebenarnya konsep yang baru sebab banyak negara-negara yang lain lebih maju telahpun mengadakan universiti ini. Jadi saya ingin mengetahui daripada Kementerian Pelajaran sama ada universiti terbuka ini akan ditubuhkan seberapa segeranya memandangkan bahawa kita memerlukan lebih

banyak pakar-pakar dan orang-orang professional untuk memasuki bidang-bidang pekerjaan bagi menolong mempercepatkan proses pembangunan dalam negara kita. Saya ingin tahu oleh sebab rancangan ini sudahpun dijalankan oleh negara-negara yang lain lebih maju, apakah sudah sampai masanya universiti terbuka ini ditubuhkan di negara kita dalam masa yang singkat ini.

Tuan Yang di-Pertua: Jawapan kepada pertanyaan seumpama ini sudah dijawab tadi. Saya fikir tentu Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab begitu juga.

Dato' Chan Siang Sun: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad.

Wan Zainab binti M. A. Bakar: Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 3.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini sekarang atas nama Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani.

RANCANGAN DRAMA MINGGU INI/ FILEM MELAYU

3. Wan Zainab binti M. A. Bakar (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa rancangan Drama Minggu Ini atau filem Melayu selalu di ulang-ulangkan siarannya seolah-olah TV Malaysia tidak ada rancangan yang lain. Adakah beliau berpuas hati dengan rancangan TV Malaysia yang diadakan sekarang ini jika dibandingkan dengan rancangan TV lain-lain negara ASEAN yang membuat persembahan rancangan yang berbagai-bagai dan menarik. Sebagai satu alternative, sama ada Kerajaan bercadang menjadikan TV Malaysia satu perbadanan atau membenarkan pihak swasta untuk mengadakan Commercial TV supaya ia dapat mempersembahkan rancangan yang lebih menarik dan jika tidak, mengapa.

Timbalan Menteri Penerangan (Dr Ling Liong Sik): Tuan Yang di-Pertua, Drama Minggu Ini yang diulang itu adalah drama yang dipilih dari penerbitan-penerbitan yang dianggap terbaik sepanjang tahun lalu untuk membolehkan penonton-penonton menyaksikan semula terutama mereka yang tidak

sempat menontonnya dan juga atas permintaan ramai. Tindakan ini juga membolehkan RTM menyiapkan siri baru Drama Minggu Ini.

Mengenai filem Melayu yang selalu diulang-ulang sebagaimana yang telah dinyatakan di Dewan ini berkali-kali bahawa ini adalah disebabkan oleh kekurangan filem Melayu itu sendiri yang diterbitkan di negara ini. Kadangkala ada di antara filem-filem itu yang telah diminta oleh orang ramai supaya ditayangkan semula. Bagi mengatasi kekurangan filem-filem Melayu maka filem Indonesia ditayangkan bagi memenuhi keperluan para penonton-penonton.

Rancangan-rancangan TV Malaysia yang diadakan sekarang ini adalah disesuaikan dengan keperluan negara dan penduduknya. Soal perbandingan dengan rancangan-rancangan TV negara ASEAN tidak timbul kerana negara-negara tersebut menerbitkan rancangan masing-masing berdasarkan keperluan negara-negara itu sendiri. Namun begitu, rancangan-rancangan TV Malaysia kalau hendak dibandingkan adalah lebih baik daripada setengah-setengah rancangan yang disiarkan oleh setengah-setengah negara-negara ASEAN yang lain.

Oleh yang demikian, Kerajaan tidak bercadang menjadikan TV Malaysia satu perbadanan atau membenarkan stesen swasta.

Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan oleh kerana memandangkan kekurangan filem Melayu maka dimasukkan filem-filem Indonesia bagi menggantikan filem Melayu. Bagi mengelakkan filem-filem Melayu yang diulang tayang tadi maka adakah Kementerian ini bercadang hendak menyewa filem drama rakyat dan rancangan seni daerah dari Indonesia yang mana cara hidup dan kesenian mirip benar dengan tanahair kita.

Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, itu boleh ditimbang.

KAD PENGENALAN SEBAGAI PENGUNDI

4. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan sama ada masih terdapat lagi dalam negara kita ini

orang-orang yang tidak mempunyai kad pengenalan tetapi diberi hak mengundi untuk memilih wakil-wakil mereka; nyatakan bilangan mereka itu seluruhnya yang telah mengundi dalam pilihanraya umum pada 8 Julai 1978. Apakah alasan-alasan yang utama dan di bawah peruntukan undang-undang manakah mereka diberi kemudahan mengundi dan sama ada Kerajaan akan membenarkan mereka mengundi dalam pilihanraya-pilihanraya yang akan datang.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Shahrir bin Abdul Samad): Tuan Yang di-Pertua, orang-orang yang diberi hak mengundi oleh Suruhanjaya Pilihanraya ialah orang-orang yang nama mereka tertera di dalam daftar pemilih semasa. Orang-orang yang hendak mendaftarkan diri sebagai pemilih semasa hendak mengemukakan kad pengenalan mereka yang berwarna biru, iaitu kad pengenalan yang dipegang oleh warganegara Malaysia, yang umurnya telah meningkat 21 tahun pada masa tarikh kelayakan yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Pilihanraya. Orang-orang yang telah didaftarkan sebagai pemilih tetapi tidak mempunyai kad pengenalan pada masa pembuangan undi dijalankan biasanya ialah orang-orang yang telah hilang kad pengenalan mereka atau orang yang telah menyerahkan kad pengenalan mereka kepada Jabatan Pendaftaran Negara untuk dibaharui. Orang-orang ini biasanya mempunyai dokumen-dokumen lain yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara sebagai kenalan diri atau bukti bahawa kad pengenalan mereka telah hilang atau sedang dibaharui. Dokumen-dokumen yang berkenaan diterima sebagai pengenalan diri untuk membuang undi. Tindakan Suruhanjaya Pilihanraya adalah selaras dengan Peraturan 14, Peraturan Pilihanraya (Perjalanan Pilihanraya) 1959 yang membenarkan mengundi sesiapa sahaja yang ada namanya dalam daftar pemilih semasa.

Saya tidak dapat memberitahu bilangan mereka yang mengundi tanpa kad pengenalan dalam pilihanraya umum pada 8hb Julai, 1978 oleh kerana tidak ada rekod mengenai hal itu.

Peraturan-peraturan Pilihanraya (Perjalanan Pilihanraya) 1959 adalah dibuat oleh Suruhanjaya Pilihanraya iaitu sebuah badan bebas. Sama ada mereka yang tidak mempunyai kad pengenalan tetapi namanya ada

di dalam senarai pemilih akan dibenarkan mengundi atau tidak dalam pilihanraya-pilihanraya yang akan datang terserahlah kepada Suruhanjaya Pilihanraya untuk menentukannya.

RASUAH OLEH PEGAWAI POLIS DI BUKIT MERTAJAM

5. Tuan Seow Hun Khim minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau telah menerima aduan-aduan rasuah mengenai pegawai-pegawai polis di Bukit Mertajam. Jika ya, adakah aduan-aduan ini telah dirujuk kepada pihak Badan Pencegah Rasuah untuk tindakan diambil.

Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya tidaklah ada menerima aduan-aduan rasuah mengenai Pegawai-pegawai Polis di Bukit Mertajam tetapi yang saya tahu pihak Biro Siasatan Negara (BSN) ada menerima aduan-aduan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dr Chen Man Hin.

Tuan Lee Kaw: Tuan Speaker, soalan No. 6.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini sekarang atas nama Ahli Yang Berhormat dari Keluang.

TENTERA VIETNAM DI KAMPUCHEA—PENGUNDURAN

6. Tuan Lee Kaw (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Luar Negeri beri butir-butir lanjut mengenai pandangan yang dilahirkan oleh Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Vietnam mengenai seruan ASEAN supaya tentera diundurkan dari Kampuchea semasa lawatan beliau ke Malaysia pada bulan Mei ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, semasa lawatannya ke Malaysia pada pertengahan bulan Mei tahun ini, Menteri Luar Vietnam, Encik Nguyen Co Thach telah menyatakan kepada kita sikap negaranya bahawa kehadiran tentera Vietnam di Kampuchea adalah sebagai apa yang

dikatakan memenuhi perjanjian persahabatan Vietnam dengan rejim bonekanya di Kampuchea. Beliau menegaskan bahawa selagi ada tanda-tanda ancaman yang berterusan dari Kampuchea terhadap Vietnam maka selama itulah Vietnam tidak akan menarik keluar tenteranya dari Kampuchea. Walau bagaimanapun, kata beliau lagi, Vietnam akan menarik keluar tenteranya dari Kampuchea sebaik-baik sahaja ancaman itu berakhir.

Encik Nguyen Co Thach menerangkan bahawa negaranya pernah melakukan penarikan keluar tentera Vietnam setelah menakluki Kampuchea dua kali, iaitu semasa apa yang dikatakan tindakannya menentang penjajahan Perancis dalam tahun 1954 dan menentang campurtangan Amerika Syarikat di Kampuchea dalam tahun 1970an.

Dalam hal ini ingin dimaklumkan bahawa dalam perbincangan itu Yang Berhormat Mulia Menteri Luar Negeri Malaysia telah mengulangi pendirian tegas Malaysia dan Negara-negara ASEAN mengutuk kehadiran tentera-tentera Vietnam di Kampuchea sejak Disember, 1978 kerana kegiatan ini adalah mencabuli kemerdekaan, kedaulatan dan keutuhan wilayah sebuah negara di Asia Tenggara ini. Dengan itu Yang Berhormat Mulia Menteri Luar Negeri Malaysia telah menggesa Vietnam supaya menarik keluar tenteranya serta-merta dari Kampuchea itu. Begitu juga kita telah menegaskan hak rakyat Kampuchea menentukan masa depan mereka sendiri tanpa campurtangan atau pengaruh dari kuasa-kuasa luar. Yang Berhormat Mulia Menteri Luar Negeri Malaysia juga telah menyatakan hasrat semoga Kampuchea akan dapat menjadi semula negara yang merdeka, berkecuali dan berdaulat bersama dengan negara-negara jiran di Asia Tenggara ini.

Jelaslah ternyata adanya perbezaan pendapat di antara Malaysia dan Vietnam mengenai masalah di Kampuchea tetapi dengan adanya dialog dan rundingan yang dijalankan di antara kedua-dua negara dan negara ASEAN kita yakin ini dapatlah meneruskan usaha-usaha kita supaya Vietnam menarik keluar tentera-tentera mereka dari Kampuchea sebagai sumbangan untuk mencapai keamanan serta kesetabilan di rantau Asia Tenggara ini.

Tuan Chan Teck Chan: Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberitahu adakah pihak Vietnam menjelaskan di manakah datangnya sumber ancaman yang disebutkan oleh pihak Vietnam kerana ini adalah merupakan satu pendirian yang tegas yang dinyatakan oleh pihak Vietnam sebaik sahaja ancaman ini masih ada di Kampuchea dia tidak akan mengundurkan tenteranya, tetapi dari jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tidak menyebut apakah jenis ancaman itu.

Tuan Kassim bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, barangkali jawapan ini sudah jelas iaitu ancaman dari Kampuchea ini bererti ancaman dari DK Kampuchea dan Demokratik Kampuchea ini pihak Bangsa-bangsa Bersatu telah mengiktiraf, iaitu 71 buah negara ahli Bangsa-bangsa Bersatu mengiktiraf credentials Demokratik Kampuchea dalam perhimpunan agong Bangsa-bangsa Bersatu pada tahun lepas.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, selama ini kita telah mendengar bahawa di samping Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, ASEAN dan juga banyak negara-negara di dunia ini mengambil tindakan dengan mengadakan resolusi mendesak hanya dengan menggunakan perkataan yang dianggap—saya rasa tidak begitu efektif. Soalan saya ialah adakah Malaysia dan juga negara-negara ASEAN bercadang hendak mengambil, contohnya tindakan tentera untuk menakutkan negara Vietnam supaya ancaman terhadap Kampuchea ini akan dapat diselesaikan.

Tuan Yang di-Pertua: Soalnya ini luar sekali.

HARGA BARANG-BARANG PETROLEUM

7. **Tuan Fung Ket Wing** minta Menteri Kewangan menyatakan akibat-akibat dari kenaikan harga barang-barang petroleum baru-baru ini dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian beliau untuk menjaga kepentingan pengguna-pengguna.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Tuan Yang di-Pertua, kenaikan harga barang-barang petroleum baru-baru ini sebanyak 30 hingga 47 sen dijangka akan memberi kesan ke atas kadar

inflasi di negara ini. Walau bagaimanapun kesannya adalah sedikit sahaja memandangkan jumlah wajar barang-barang tersebut di dalam Angka Tunjuk Harga Pengguna adalah kecil iaitu kira-kira 5%. Dalam tempoh empat bulan pertama harga pengguna di negara ini telah naik dengan sederhana sahaja iaitu sebabnya 6.2%. Namun demikian, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah yang perlu bagi mengelakkan kenaikan harga yang lebih tinggi dan mengawasi bekalan barang-barang petroleum.

Kerajaan telahpun mengambil berbagai langkah fiskal, kewangan dan pentadbiran untuk membendung inflasi dan langkah-langkah ini masih lagi diteruskan pada masa sekarang ini.

Sejajar dengan strategi Belanjawan 1980 bagi menggalakkan pertumbuhan dan melawan inflasi, Kerajaan telah mengambil langkah-langkah fiskal yang tegas termasuk potongan cukai yang besar dan pengurangan-pengurangan cukai dan subsidi telah juga disediakan. Kerajaan telah memberi subsidi ke atas minyak disel dan minyak tanah bagi mengelakkan kenaikan harga yang lebih tinggi bermula dari 25hb April, 1980. Subsidi ini akan menelan belanja kira-kira \$348 juta setahun. Di samping itu, pampasan sebanyak \$270 juta setahun akan diberi kepada gas pemasak, premium petrol, regular petrol, disel dan minyak tanah yang diimport untuk membolehkan syarikat-syarikat minyak menjual di paras harga baru yang mana adalah lebih rendah daripada kes pengimportan. Pampasan sebanyak \$20 juta setahun juga diberi kepada kilang penapis Shell di Lutong, Sarawak untuk membolehkan syarikat tersebut menjual dengan harga yang lebih murah. Jumlah kos yang ditanggung oleh Kerajaan ke atas subsidi-subsidi dan pampasan-pampasan tersebut adalah sebanyak \$638 juta setahun.

Kerajaan juga telah memperuntukkan subsidi berjumlah lebih dari \$271 juta bagi sektor pertanian dan perikanan untuk membantu petani dan nelayan dalam membiayai kos input yang lebih tinggi. Dengan itu jumlah subsidi yang diberi oleh Kerajaan bagi tahun 1980 setakat ini adalah sebanyak \$984 juta. Ini adalah selaras dengan hasrat Kerajaan bagi membantu mengurangkan beban inflasi ke atas golongan yang berpendapatan rendah.

Kerajaan akan terus melaksanakan dasar kewangan yang mudah yang bertujuan mendorong pertumbuhan ekonomi, terutamanya pelaburan swasta, tanpa membawa tekanan-tekanan inflasi yang lebih besar. Beberapa langkah kewangan telahpun diambil bagi menggalakkan tabungan dan penyalurannya kepada pelaburan yang produktif termasuk perubahan dalam sistem penentuan kadar-kadar faedah bank.

Kerajaan juga terus menguatkuasakan Akta Kawalan dan Bekalan bagi mencegah dan membendung keuntungan yang berlebihan, kegiatan-kegiatan sorok dan spekulasi mengenai barang-barang keperluan. Lain-lain langkah pentadbiran yang telah diambil oleh Kerajaan termasuk penubuhan Jawatankuasa Kajian Semula Harga bagi mengkaji permohonan-permohonan untuk menaikkan harga oleh para pengilang sebelum kenaikan harga diluluskan.

Kerajaan telah juga menggerakkan semula Jawatankuasa Tetap Pegawai-pegawai Mengenai Pencegahan Inflasi untuk mengkaji secara mendalam perkembangan harga dalam negeri dan membuat syor-syor dasar bagi menahan kenaikan harga pengguna. Syor-syor yang dibuat oleh jawatankuasa ini telahpun diluluskan oleh Kerajaan bagi dilaksanakan. Di antara langkah-langkah yang dilaksanakan ialah projek-projek bagi menambahkan bekalan makanan khususnya beras dan menggunakan tanah-tanah kosong yang terbiar untuk pertanian. Pada masa ini kawasan tanah terbiar seluas kira-kira 44,746 ekar sedang diusahakan oleh Kerajaan dan juga petani-petani sendiri. Sebagai usaha bagi menambah bekalan makanan, Kerajaan telah menarik balik sekatan ke atas kemasukan lembu dari negara Thai mulai dari 1hb Februari, 1980 setelah penyakit mulut dan kuku di tempat tersebut, dapat dikawal. Dengan penarikan balik kawalan import tersebut, adalah dijangka harga daging di pasaran akan stabil pada paras yang berpatutan oleh kerana harga import lembu dari Thailand adalah lebih murah jika dibandingkan dengan harga lembu yang diimport dari Australia. Usaha-usaha sedang dilakukan oleh Majuikan bagi menternak ikan air tawar dan ikan air payau termasuk udang, kerang dan ketam. Projek-projek ini sedang dilaksanakan di Puchong, Selangor dan Tanjung Tualang di Perak. Di samping itu, sebanyak 20 bilik sejuk sedang dibina oleh Majuikan, Mejuternak dan FAMA bagi

menyimpan bahan-bahan makanan dan sayur-sayuran yang mudah rosak. Langkah ini akan dapat menjamin bekalan yang berterusan dan harga yang berpatutan untuk pengguna-pengguna.

Kemudahan-kemudahan gudang-gudang simpanan bagi menyimpan beberapa jenis bahan makanan seperti buah-buahan, makanan dalam tin dan lain-lain barang pengguna serta alat-alat ganti, alat kelengkapan dan mesin akan disediakan tidak beberapa lama lagi. Sekarang ini Perbendaharaan sedang mengkaji beberapa cadangan untuk mengadakan gudang-gudang ini di Johor Bahru, Pulau Pinang dan Kuala Lumpur. Gudang-gudang ini apabila dilaksanakan kelak akan dapat menjamin bekalan yang berterusan di seluruh negara dan harga yang berpatutan bagi barang-barang tersebut.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohamed Yassin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan sama ada beliau sedar atau tidak bahawa kos hidup di Johor Bahru umumnya boleh dikatakan yang tertinggi dalam negara kita. Jika sedar, saya ingin tahu apakah langkah-langkah tertentu dan specific yang boleh diambil oleh pihak Kementerian bagi memperbaiki keadaan ini.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, soalan itu tidak ada kait-mengait dengan soalan asal.

INSTITUT DAKWAH DAN LATIHAN ISLAM (INDAH)

8. **Tuan Abdul Rahman bin Daud** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan sedar bahawa ada pegawai-pegawai dari Bahagian Dakwah di Institut dan Latihan Islam (INDAH) yang telah menggunakan kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan sebagai alat untuk menentang Kerajaan dan menyokong kegiatan parti politik Pembangkang yang tertentu.

Menteri Tak Berpotfolio (Dato' Haji Mohamed bin Nasir): Tuan Yang di-Pertua, mengikut rekod Bahagian Ugama, Jabatan Perdana Menteri tidak ada pegawai-pegawai Institut Dakwah dan Latihan Islam (INDAH) yang telah menggunakan kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan sebagai alat untuk menentang Kerajaan dan

menyokong mana-mana kegiatan parti politik. Walau bagaimanapun, jika Yang Berhormat mempunyai bukti-bukti yang jelas adanya perkara seumpama itu berlaku bolehlah Yang Berhormat memberi nama pegawai-pegawai yang terlibat untuk siasatan.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Menteri berkenaan sama ada setakat hari ini beliau telah menerima sebarang laporan mengenai hal ini sama ada secara bersurat atau secara lisan mengenai perkara-perkara yang tersebut tentang pegawai-pegawai INDAH sebagaimana yang tersebut di dalam jawapan beliau tadi. Kalau ada, apakah tindakan yang beliau telah ambil?

Dato' Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, belum ada.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Menteri berkenaan sama ada benar atau tidak bahawa seorang warganegara asing telah ditempatkan di pejabat INDAH untuk melaporkan kepada pihak-pihak yang tertentu mengenai kegiatan daripada pegawai-pegawai INDAH?

Tuan Yang di-Pertua: Soalan itu tidak berkait dengan soalan asal.

ASEAN—PUSAT PENGAJIAN TINGGI

9. Tuan V. Govindaraj minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau dapat menimbang, menggesa dan merayu kepada anggota-anggota ASEAN supaya Pusat Pengajian Tinggi di negeri mereka masing-masing dapat memberikan tempat-tempat belajar di Institusi-institusi mereka kepada pelajar-pelajar Malaysia, sebagai salah satu usaha menjalin persahabatan yang lebih rapat di antara anggota-anggota ASEAN serta sedikit sebanyak menolong Malaysia mengatasi desakan-desakan yang kian meningkat dari pelajar-pelajar Malaysia untuk tempat belajar.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, perhubungan yang erat di antara anggota-anggota ASEAN dalam hal pelajaran sememangnya telah lama wujud dan ramai pelajar-pelajar kita telah diterima masuk belajar di negara-negara ASEAN ini.

Tapi memandangkan adanya desakan-desakan yang kian meningkat dari pelajar-pelajar Malaysia untuk mendapatkan tempat belajar di luar negeri, maka Yang Berhormat Menteri akan berusaha meluaskan lagi peluang pelajar-pelajar kita belajar di negara-negara ASEAN. Walaupun begitu, saya sangat sedar bahawa negara-negara ASEAN sendiri menghadapi kesulitan mendapatkan tempat belajar bagi penuntut-penuntut mereka sendiri di dalam beberapa jurusan yang tertentu di universiti-universiti mereka.

BISMILLAH—DOA MEMULAKAN MESYUARAT PARLIMEN

10. Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad minta Perdana Menteri menyatakan mengapa Bismillah tidak dibacakan di dalam doa semasa memulakan mesyuarat Parlimen, pada hal ia ditulis di dalam buku Peraturan Mesyuarat Parlimen.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Shahrir bin Abdul Samad): Tuan Yang di-Pertua, Bismillah tidak dibacakan di dalam Doa semasa memulakan mesyuarat Dewan Rakyat kerana tambahan kepada Doa belum lagi di bawa ke dalam Dewan bagi kelulusan.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sudah berapa lama kita bersidang di sini tetapi tidak juga cadangan dibawa masuk ke dalam perbincangan ini dan bilakah perkara ini akan dibincangkan?

Tuan Shahrir bin Abdul Samad: Tuan Yang di-Pertua, Jawatankuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat dijangka akan mengadakan mesyuaratnya pada 13hb Jun, tak lama lagi dan perkara ini akan dibawa dalam mesyuarat tersebut.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, adakah benar bahawa perkara ini tidak dibincangkan, kerana terdapat tekanan-tekanan daripada pihak yang tertentu sehingga perkara ini telah ditangguhkan begitu lama.

Tuan Shahrir bin Abdul Samad: Tuan Yang di-Pertua, tidak.

RELA—GAJI PEGAWAI

11. Tuan Awang bin Jabar minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan adakah Kementeriannya akan mengkaji semula kedudukan gaji pegawai Rela daerah dan negeri sekarang.

Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian ini sebenarnya sedang mengkaji secara menyeluruh struktur gaji serta skim perkhidmatan bagi pegawai-pegawai RELA di peringkat Daerah dan juga di peringkat Negeri yang mana juga akan meliputi di negeri-negeri Sabah dan Sarawak untuk dikemukakan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam untuk dipertimbangkan dalam sedikit masa lagi.

PAJAK GADAI—PENYELEWENGAN TUAN PUNYA

12. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada beliau sedar ramai tuan-punya-tuan-punya kedai pajakgadai melakukan amalan-amalan yang kurang jujur dan apakah langkah-langkah Kementeriannya ingin mengambil untuk menyekat amalan-amalan salah ini.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Haji Ramli bin Omar): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedar bahawa sebahagian besar daripada pemegang-pemegang lesen pajakgadai telah dan sedang melakukan berbagai-bagai penyelewengan tatkala menjalankan perniagaan mereka.

Pihak Kementerian sedang membuat penelitian bagi menentukan sebab-sebab penyelewengan itu berlaku dan setakat ini tiga sebab utama telah dapat dikesan iaitu:

- (i) Ketiadaan pengawasan yang berkesan oleh pihak Kerajaan Negeri;
- (ii) Kejahilan orang ramai terhadap Akta dan Peraturan-peraturan mengenai pajakgadai; dan
- (iii) Keinginan untuk mendapatkan keuntungan yang berlebihan oleh pihak pemegang lesen.

Kementerian saya sedang menyusun langkah-langkah yang perlu diambil bagi mengatasi masalah ini dan di antaranya:

- (i) Menambah bilangan Merinyu Pajakgadai dari 50 orang ke 79 orang dan mengemaskan lagi pentadbiran mengennainya.
- (ii) Memberi penerangan kepada orang ramai sama ada menerusi akhbar-akhbar atau risalah-risalah Kementerian atau dengan lain-lain cara yang praktikal dan menasabah.

Di atas tadi adalah di antara langkah-langkah yang sedang dipertimbangkan oleh Kementerian saya.

RUNDINGAN PERJANJIAN PERKHIDMATAN UDARA MALAYSIA—SINGAPURA

13. Datuk Lee Boon Peng minta Menteri Pengangkutan menyatakan keputusan perbincangan di antara Malaysia dan Singapura mengenai pertikaian perjanjian perkhidmatan udara baru-baru ini.

Menteri Pengangkutan (Dato Lee San Choon): Tuan Yang di-Pertua, semenjak rundingan pusingan Ketujuh yang diadakan dalam bulan Februari, 1980, Malaysia dan Singapura belum lagi mencapai apa-apa keputusan mengenai Perjanjian Perkhidmatan Udara di antara kedua negara. Butir-butir kedudukan rundingan Ke 7 itu telah saya terangkan dalam sidang Dewan ini yang lalu. Walau bagaimanapun, rundingan di antara kedua belah pihak akan diteruskan.

TUDM—PEMBELIAN SKYHAWK

14. Tuan Jamaluddin bin Haji Suhaimi minta Menteri Pertahanan menyatakan bilakah kapalterbang Skyhawk yang dibeli oleh TUDM itu akan tiba dan dimanakah pemandu-pemandunya serta lain-lain kaki-tangan telah dilatih.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan (Dato' Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar): Tuan Yang di-Pertua, pembelian kapalterbang Skyhawk baru sahaja dipersetujui oleh Kerajaan. Pada masa ini pegawai-pegawai dari Kementerian Pertahanan sedang

berada di Amerika Syarikat bagi menguruskan cara-cara untuk membawa balik kapal-terbang-kapalterbang itu ke Malaysia.

Mengenai pemandu-pemandu serta lain-lain kakitangan, mereka ini adalah dilatih di luar dan di dalam negeri.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menyatakan bahawa sekarang ini pegawai-pegawai Malaysia sudahpun berada di Amerika untuk membawa balik kapal-terbang Skyhawk. Ini bermakna bahawa kapal-terbang itu sudah dibeli dan jika sekiranya telah dibeli adakah kapal-terbang-kapalterbang itu sudah terpakai ataupun kapal-terbang yang baru dan apakah urusan itu diantara kerajaan dengan kerajaan ataupun menerusi ejen.

Dato' Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Bagi makluman Ahli Yang Berhormat kapal-terbang yang dibeli ialah kapal-terbang yang diperbaru dan cara pembelian yang kita jalankan ialah menerusi kerajaan dengan kerajaan ataupun menerusi pembelian biasa. Mengenai dengan pembelian Skyhawk itu, saya minta notis.

Tuan Yusof bin Malim Kuning: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Setiausaha Parlimen apakah faktor-faktor penting yang difikirkan oleh pihak TUDM mencadangkan Skyhawk daripada jenis yang lain seperti Phantom, MIG, Mirage dan lain-lain.

Dato' Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya sebelum pembelian kapal-terbang itu dan juga apa-apa alat kelengkapan yang akan kita gunakan untuk angkatan tentera kita, kita telah membuat penelitian yang begitu rapi dan dalam pembelian Skyhawk ini Kerajaan berpendapat bahawa kapal-terbang ini adalah kapal-terbang yang paling sesuai dengan keadaan-keadaan di negara kita dan juga keperluan dalam Angkatan Tentera Udara kita.

Tuan Hishamuddin bin Haji Yahaya: Saya ingin bertanya sama ada pihak civilian juga ada menganggotai Specification Committee sebelum kapal-terbang ini dibeli ataupun adakah ahli-ahli committee itu dianggotai oleh TUDM sahaja.

Dato' Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, mengandungi kedua-kedua sekali.

ROMPAKAN BANK

15. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan memandangkan bahawa kejadian rompakan Bank menjadi-jadi pada masa sekarang, apakah hasil penyiasatan yang dilakukan oleh INTERPOL dan adakah langkah-langkah lain untuk mengelakkan kejadian serupa ini daripada berlaku lagi di masa hadapan.

Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara ini pihak Interpol tidaklah menjalankan penyiasatan kerana penjenayah yang terlibat adalah terdiri daripada orang-orang tempatan dan tidak orang-orang daripada luar negeri dan Polis Di Raja Malaysia sendiri berkemampuan untuk mengendalikan kes-kes seperti ini. Dan adalah tidak benar jika Ahli Yang Berhormat menyatakan bahawa pada masa sekarang ini rompakan bank adalah menjadi-jadi, ini adalah berdasarkan kepada perangkaan-perangkaan yang seperti berikut:

Tahun	Rompakan Bank
1977	4
1978	-
1979	2
1980	-

Dalam enam kes rompakan berlaku semenjak tahun 1977 pihak Polis telah berjaya menyelesaikan lima kes serta menumpaskan mereka yang terlibat hasil daripada maklumat-maklumat yang diterima daripada pihak bank dan juga daripada pihak orang ramai.

Langkah untuk mencegah kejadian samun di bank-bank adalah dengan cara mengadakan rondaan kenderaan oleh Polis dan juga beat patrol serta dengan cara-cara menggunakan Signal Sistem dari bank ke pejabat-pejabat polis, di samping itu pihak bank juga telah mengadakan pengawal-pengawal yang tersendiri. Walau bagaimanapun, dari segi penyelidikan Interpol ini sukalah saya menyatakan bahawa pihak Interpol tidak ada menjalankan suatu siasatan tetapi bukanlah siasatan yang bersangkutan dengan kes rompakan bank iaitu siasatan sedang dijalankan oleh

Interpol di atas satu kes curi di Bank Bumi-putra di Pekan Bukit Ibam, Pahang yang mana pada masa ini siasatan ini sedang dijalankan lagi oleh Interpol dan dalam perkara ini pihak Interpol Malaysia telahpun berhubung dengan Interpol Indonesia kerana adalah dipercayai bahawa orang yang terlibat itu sedang berada di Indonesia dan siasatan masih lagi dijalankan dalam perkara tersebut.

PERTUBUHAN ANGKATAN SABILILLAH (P.A.S.)

16. Tuan Hussein bin Mahmood minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa sebuah gerakan haram yang menggelarkan dirinya Pertubuhan Angkatan Sabillah (P.A.S.) telah ditubuhkan oleh golongan yang tidak bertanggungjawab dan bertujuan untuk mencetuskan huru-hara di negara ini. Jika ya, apakah tindakan yang telah diambil oleh beliau ke atas orang-orang yang bertanggungjawab supaya niat jahat mereka untuk mencetuskan huru-hara di negara ini ditahan dan rakyat yang tidak bersalah diselamatkan.

Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memanglah sedar tentang wujudnya Pertubuhan Angkatan Sabilillah dan telahpun mengambil tindakan yang tegas untuk menghapuskan kegiatannya itu. Sehingga sekarang seramai 9 orang yang terlibat dalam kumpulan tersebut telahpun ditahan di bawah Seksyen 8 (1) Akta Keselamatan Dalam Negeri tahun 1960 dan namun begitu pengawasan terhadap kegiatannya akan terus diawasi dan tindakan yang sewajarnya akan diambil terhadap mereka yang terlibat dalam kegiatan-kegiatan mengancam keselamatan negara ini.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada apa yang rakyat jelata semua ketahui bahawa telah dapat dikesan secara terbuka gerakan apa yang dikatakan Pertubuhan Angkatan Sabilillah ini hanya terdapat di negeri Kedah. Soalan saya apakah terdapat juga tanda-tanda bahawa badan ini juga mempunyai gerakan mereka di negeri-negeri lain di Malaysia.

Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, dalam pengetahuan Kementerian gerakan ini tidak lagi ada di negeri-negeri yang lain.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri berkenaan iaitu sejak bila Kerajaan sedar tentang adanya Pertubuhan Angkatan Sabilillah ini dan apakah hubungan Pertubuhan ini dengan Tentera Sabilillah yang juga memang diketahui umum di Kedah dan apakah hubungannya dengan satu Pertubuhan lain iaitu Pakidah yang juga diketahui sebagai ada hubungan dengan Tentera Sabilillah.

Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang mengetahui tentang Pertubuhan Angkatan Sabilillah ini akhir tahun yang lalu dan sememangnya ahli-ahli Pertubuhan Angkatan Sabilillah ini ada kaitan dengan ahli-ahli Tentera Sabilillah. Dan berhubung dengan soal yang akhir itu saya akan jawab dalam pertanyaan yang akan diberi pada 13hb yang akan datang.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri oleh kerana Pertubuhan P.A.S. ramai dianggotai oleh pemimpin-pemimpin PAS apakah hubungan di antara P.A.S. ini dengan PAS itu sendiri.

Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, yang saya ketahui banyak ahli-ahli P.A.S. ini ahli-ahli PAS.

SEKIM INSURAN KESIHATAN KEBANGSAAN

17. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada Kerajaan bercadang memperkenalkan satu Skim Insuran Kesihatan Kebangsaan bagi menolong rakyat Malaysia dalam menampung kenaikan kos rawatan perubatan di samping menubuhkan satu Suruhanjaya Di Raja mengenai kesihatan bagi membuat kajian lanjut ke atas masalah-masalah kesihatan di negara ini termasuk masalah Larian Cerdik Pandai Perubatan.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini Kementerian Kesihatan tidak bercadang untuk menubuhkan Skim Insuran Kesihatan Kebangsaan sebagaimana yang disyorkan

oleh Ahli Yang Berhormat. Sebagaimana beliau sedia maklum, Kerajaan sekarang memberi subsidi perbelanjaan rawatan di dalam hospital-hospital dan klinik-klinik Kerajaan untuk semua pesakit-pesakit, baik yang kaya ataupun yang miskin. Mereka yang tidak mampu untuk membayar rawatan ini adalah diberi perkhidmatan-perkhidmatan yang percuma. Di dalam Hospital Besar, Kuala Lumpur misalnya sejumlah 87,976 orang pesakit wad dan 802,594 orang pesakit luar telah dirawat pada tahun 1979, dengan jumlah perbelanjaan sebanyak \$43,936,717. Walau bagaimanapun, hasil yang diperolehi dari perkhidmatan-perkhidmatan untuk kedua-dua golongan pesakit-pesakit ini hanyalah berjumlah \$2,357,365.

Penubuhan Skim Insuran Kesihatan Kebangsaan bagi membolehkan pesakit-pesakit mendapatkan rawatan doktor di dalam sektor swasta akan hanya menguntungkan doktor-doktor ini sahaja, yang pada keseluruhannya telahpun menikmati kadar pendapatan yang agak tinggi. Skim ini seterusnya akan menambahkan beban kepada mereka yang makan gaji dan mereka yang bekerja sendiri di dalam sektor swasta. Sekiranya kita ingin memberikan golongan-golongan pendapatan rendah dengan perkhidmatan-perkhidmatan doktor-doktor swasta maka saya fikir bahawa doktor-doktor swasta ini hendaklah menimbangkan pengurangan bayaran yang dikenakan kepada pesakit-pesakit dari menaikkannya lagi.

Berbagai faktor mengenai keadaan kesihatan di negara ini dan syarat-syarat perkhidmatan doktor-doktor dan lain-lain pegawai professional di Kementerian Kesihatan telah pun sedia kita maklum. Kementerian Kesihatan sendiri adalah sedar mengenai perkara ini di mana melalui dayausaha Kementerian dan Kerajaan, serta melalui rancangan-rancangan dan program-programnya yang berturut-turut, telahpun merangka untuk memperbaiki kemudahan-kemudahan kesihatan dan syarat-syarat perkhidmatan ini.

Adalah lebih manfaat kepada umum bagi pegawai-pegawai kesihatan kita meneruskan tanggungjawab yang rumit di hadapan kita kini, dari membazirkan masa dan tenaga mewujudkan sebuah Suruhanjaya oleh kerana butir-butir, angka-angka dan aliran mengenai keadaan kesihatan di negara ini telahpun

kita sedia maklum. Seterusnya, saya tidaklah nampak mengapa Suruhanjaya Kesihatan ini perlu ditubuhkan.

SAHAM MILIK PEMASTAUTIN LAIN

18. Tuan Au How Cheong minta Perdana Menteri menyatakan mengenai \$9,213.7 juta saham yang dimiliki oleh Pemastautin-pemastautin lain di bawah tajuk Hak-Milik dan Penguasaan bagi Sektor Syarikat 1978, (Perenggan 125 Jadual 3-5, Kajian Penggal Rancangan Malaysia Ketiga) sama ada boleh memberi perangkaan pecahan yang dimiliki oleh (i) Kaum India, (ii) Kaum Cina Malaysia (iii) Kaum Cina Singapura.

Menteri Tak Berpotfolio (Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf): Tuan Yang di-Pertua, angka yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tidak dipecahkan mengikut kategori yang dikehendaki. Oleh itu saya tidak dapat memberi angka-angka yang diminta itu.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, walaupun angka-angka tersebut sepertimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri berkenaan tadi tidak dipecahkan mengikut kaum-kaum yang berkenaan, saya ingin tahu sama ada kaum Cina Singapura juga termasuk sebagai pemastautin-pemastautin lain sebagaimana yang terdapat di dalam soalan ini?

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada butir-butir tersebut, oleh itu saya minta notis.

PEMBERIAN TANAH KERAJAAN KEPADA INDIVIDU

19. Tuan Lim Kit Siang minta Perdana Menteri menyatakan sama ada BSN telah siasat amalan-amalan rasuah dalam sistem ADC di Sabah di mana Kerajaan Negeri Berjaya telah memberi lebih kurang 800,000 ekar tanah kepada 21,200 pegawai-pegawai partinya itu yang mana pegawai-pegawai tersebut dibahagikan ke dalam tiga kategori di mana mereka yang terdiri dari Gred A telah menerima 1,500 ekar, Gred B 1,000 ekar dan Gred C 500 ekar yang mana amalan tersebut merupakan amalan rasuah sematamata, dan jika ya, nyatakan hasil siasatan tersebut, jika tidak, mengapa.

Timbalan Menteri Undang-undang (Dato' Abdullah bin Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab bagi pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Pemberian-pemberian tanah Kerajaan kepada mana-mana individu ataupun kumpulan individu adalah hak atau prerogative Kerajaan Negeri. Pemberian tanah Kerajaan oleh mana-mana Kerajaan Negeri tidak menjadi kesalahan di bawah Undang-undang Rasuah sekiranya mengikut saluran peraturan-peraturan yang ditetapkan. Bagaimanapun adalah menjadi satu kesalahan di bawah Undang-undang Rasuah sekiranya ada mana-mana ahli pentadbiran yang bertindak dengan menggunakan kedudukan atau jawatan awamnya untuk faedah kewangan atau lain-lain faedah bagi dirinya sendiri.

Setakat ini Biro Siasatan Negara belum ada menerima aduan yang spesifik terhadap mana-mana Ahli Dewan Undangan Negeri atau pegawai awam berhubung dengan pemberian tanah di Sabah yang tersebut itu.

Tuan Lim Kit Siang: Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak menumpukan jawapannya kepada soalan saya. Soalan saya ialah sangat spesifik, bukan general bahawa adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar bahawa ada satu sistem A, B, C di mana ada pemberian tanah kepada 3 kategori orang-orang politik dalam parti BERJAYA di mana peringkat pertama A dapat lebih tanah; B 1,000 ekar dan C. Itulah ada satu skim di mana tanah diberi kepada satu golongan orang yang terhad kepada tokoh-tokoh politik dalam parti pemerintah dalam negeri Sabah sahaja. Kedua, bukankah ini satu amalan yang merupakan korupsi oleh kerana ini adalah sebagai satu reward kepada orang-orang yang berpolitik? Ketiga, adakah pihak Kementerian, NBI atau pihak Perdana Menteri memberi restu kepada amalan semacam ini?

Tuan Yang di-Pertua: Sebahagian dari pertanyaan itu sudah dijawab tadi iaitu kalau mengikut aturan di dalam negeri itu jangan sahaja orang yang ada mempunyai kedudukan awam menggunakan kedudukannya untuk mendapatkan faedah kewangan. Sebahagian dari pertanyaan itu sudah dijawab. Kalau ada tambahan lagi kepada bahagian yang akhir pertanyaan itu.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya kurang jelas.

Tuan Lim Kit Siang: Saya tanya adakah satu sistem A, B, C yang NBI tahu atau NBI, Jabatan Perdana Menteri dan Kerajaan Malaysia tidak tahu ada sistem A, B, C itu?

Yang kedua, adakah sistem A, B, C yang disebutkan dalam soalan ini dapat restu daripada pihak Kerajaan yang patutlah dijalankan di dalam negeri-negeri lain?

Tuan Yang di-Pertua: Bahagian itulah yang saya minta Yang Berhormat menjawab tadi.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Jawabnya tidak tahu.

Tuan Yang di-Pertua: Masa cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 20 hingga 47 adalah diberi di bawah ini).

MENAMBAH MASA PERKHIDMATAN DI SEKATAN KASTAM JOHOR BAHRU

20. Tuan Lee Kaw minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada pihaknya bercadang memperluaskan masa perkhidmatan di sekatan-sekatan kastam (custom-checkpoints) di Bahagian Sektor Impot/Eksport di Johor Bahru kerana dengan membuat demikian Kerajaan akan dapat mengutip hasil yang lebih serta juga tuannya-tuannya lori akan dapat mengurangkan perbelanjaan mereka.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Pihak saya tidak bercadang untuk menambah masa perkhidmatan di sekatan-sekatan Kastam (Customs-checkpoints) di Bahagian Sektor Impot/Eksport di Johor Bahru oleh kerana masa bekerja yang berkuatkuasa pada masa ini, iaitu daripada pukul enam pagi sehingga pukul enam petang di hari-hari kerja penuh dan daripada pukul enam pagi hingga pukul dua belas setengah di hari-hari setengah hari, adalah dianggap mencukupi untuk menampung keperluan pihak-pihak pengeksport dan pengimpot. Daripada pengalaman di masa-masa lepas adalah didapati kutipan hasil tidak bertambah sekiranya masa bekerja ini dipanjangkan. Walaupun masa bekerja diperluaskan adalah didapati lori-lori yang

mengangkut barang-barang suka bertumpu di masa-masa waktu bekerja bermula atau hampir tamat. Yang Berhormat perlu ingat pula sekiranya waktu bekerja ini ditambah, kemungkinan besar perbelanjaan tuan-tuan punya lori akan bertambah memandangkan bayaran lebih masa yang d'tuntut oleh ejen-ejen penghantaran dan pengangkutan mereka yang bekerja di luar masa pejabat.

HARI KEMERDEKAAN ZIMBABWE/ PENGKEBUMIHAN MENDIANG PRESIDEN TITO

21. Tuan P. Patto minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sebab-sebab beliau tidak menghadiri dua upacara bersejarah dalam dunia dalam tahun ini, iaitu Hari Kemerdekaan Zimbabwe dan pengkebumihan salah seorang tokoh dunia yang ulung yang mengenal dan mempertahankan konsep berkecuali (non-alignment) yang diterima oleh Kerajaan Malaysia, iaitu mendiang Presiden Tito;
- (b) sama ada keengganan beliau menghadiri kedua-dua upacara itu adalah kerana Perdana Menteri baru Zimbabwe, Encik Robert Mugabe, adalah seorang Marxist dan mendiang President Tito pula seorang Komunis.

Menteri Luar Negeri (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj): Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sangatlah berhasrat untuk menghadiri upacara-upacara menyambut Hari Kemerdekaan Zimbabwe dan pengkebumihan mendiang Presiden Tito. Tetapi oleh kerana desakan kewajipan dan tanggungjawab negara beliau tidak dapat berbuat demikian. Walau bagaimanapun, Kerajaan Malaysia telah menghantar wakil ke upacara-upacara tersebut, iaitu, Yang Berhormat Menteri Penerangan di upacara Hari Kemerdekaan Zimbabwe dan Yang Berhormat Menteri Pertahanan di upacara pengkebumihan mendiang Presiden Tito.

LETRIK KE PEKAN BELAGA— BEKALAN

22. Tuan Sibot Miyut anak Tagong minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan bilakah Kerajaan akan membekalkan letrik ke Pekan Belaga.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Leo Moggie anak Irok): Kerajaan telah memperuntukkan wang sejumlah \$100,000 di dalam Rancangan Malaysia Ketiga untuk bekalan elektrik ke Pekan Belaga di Sarawak. Projek ini belum lagi dapat dimulakan oleh kerana tapak pencawang masih lagi di dalam proses pengambilan balik tanah. Saya memberi jaminan bahawa, sebaik sahaja proses pengambilan balik tanah ini selesai, maka kerja-kerja pembinaan pencawang akan dimulakan dan pembekalan elektrik ke Pekan Belaga dilaksanakan.

LETRIK LUAR BANDAR—BEKALAN

23. Tuan Hashim bin Ghazali minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau sedar betapa perlunya dikaji semula peruntukan bekalan elektrik luar bandar dan bekalan paip luar bandar untuk Negeri Perak yang terlalu kurang jika dibandingkan dengan keperluannya. Jika sedar, adakah beliau bercadang akan menambahkan peruntukan tersebut; jika ya, berapa banyakkah tambahan peruntukan tersebut bagi tahun ini.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Mengenai peruntukan bekalan letrik luar bandar untuk Negeri Perak peruntukan yang telah diberi dianggap mencukupi oleh kerana untuk tahun 1980 sejumlah \$5,747,475 telah diperuntukkan untuk projek ini. Walau bagaimanapun, Kerajaan bersedia untuk menimbang memberikan peruntukan tambahan sekiranya perlu.

Untuk Projek Bekalan Air Luar Bandar jumlah peruntukan yang telah diberi bagi tahun 1980 adalah sebanyak \$3 juta. Memandangkan bahawa jumlah tersebut adalah jumlah yang telah dipohon untuk Negeri Perak dan tidak ada potongan dibuat terhadap permohonan tersebut, maka jumlah sebanyak \$3 juta itu didapati mencukupi dan Kerajaan tidak bercadang untuk mengkaji semula peruntukan itu. Ini adalah disebabkan untuk tahun-tahun yang lalu adalah didapati peruntukan yang diberi tidak dapat dibelanjakan sepenuhnya.

PENYELUDUPAN VIDEO TAPE

24. Puan Yong Fatimah binti Mohd. Razali minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) adakah Kerajaan sedar bahawa ada penyeludupan masuk video tape ke dalam negeri ini dari negeri jiran;
- (b) bilangan penyeludup yang telah ditangkap setakat ini; dan
- (c) apakah langkah-langkah Kerajaan untuk mengurangkan penyeludupan ini.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah:

- (a) Kerajaan sedar bahawa ada kegiatan menyeludup video tape ke negeri ini dari negeri jiran. Walau bagaimanapun, ini tidaklah dianggap serius dan dapat dikawal.
- (b) Jumlah bilangan kes-kes penyeludupan video tape dari bulan Januari, 1979 hingga ke hari ini ialah sebanyak 27 kes.
- (c) Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja telah memperketatkan pemeriksaan ke atas impot-impot dan di samping itu stesyen-stesyen Kastam telah juga dibekalkan dengan video cassette deck untuk memeriksa video tape yang dibawa masuk.

PERSIDANGAN KETUA-KETUA JABATAN UGAMA ISLAM

25. Tuan Umar bin Haji Ismail minta Perdana Menteri menyatakan apakah keputusan-keputusan yang diambil oleh Persidangan Ketua-ketua Jabatan Ugama Islam Malaysia kali kelima belas yang diadakan di Ipoh baru-baru ini.

Menteri Tak Berpotfolio (Dato' Haji Mohamed bin Nasir): Persidangan Ketua-ketua Jabatan Ugama Islam Malaysia yang ke 15, yang diadakan di Ipoh, Perak pada 11hb April, 1980 merupakan persidangan biasa, yang diadakan sekali dalam masa tiga atau empat bulan. Persidangan ini membincangkan perkara-perkara mengenai pentadbiran biasa Jabatan-Jabatan Ugama seluruh Malaysia dan merupakan Majlis Muzakarah mengenai perkara-perkara yang patut diselaraskan berhubung dengan pentadbiran Ugama Islam. Oleh kerana ianya merupakan persidangan biasa dan perkara-perkara yang

dibincangkan merupakan urusan pentadbiran sahaja, ianya adalah difikirkan tidak sesuai diberitahu di Dewan yang mulia ini.

OPERASI ISI PENUH

26. Tuan Lim Cho Hock minta Perdana Menteri menyatakan berapa orang telah diambil bekerja di bawah kempen 'Isi Penuh' dan beri angka pecahan mengikut bangsa.

Menteri Tak Berpotfolio (Datuk Pengiran Othman bin Pengiran Rauf): Sebanyak 34,522 orang telah ditawarkan bagi mengisi semua jenis jawatan di dalam Kumpulan-kumpulan 'A', 'B', 'C', 'D', termasuk I.M.G., semenjak bulan Mei, 1979 hingga 29hb Februari, 1980. Sebahagian besar daripada jawatan-jawatan kosong Kerajaan telah dan sedang dibuat pengisiannya.

Pemilihan calon-calon adalah berdasarkan kelulusan, kelayakan dan kesesuaian calon sendiri. Prinsip ini adalah diikuti oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, bertahun-tahun sejak Suruhanjaya itu ditubuh Operasi Isi Penuh juga mengamalkan prinsip yang sama. Oleh yang demikian, soal untuk menyiapkan rekod-rekod mengikut kaum tidaklah berbangkit. Langkah seperti itu juga akan mengambil masa terutama di peringkat Kumpulan "D" dan I.M.G., dan akan hanya melewati segala usaha untuk mengisi kekosongan-kekosongan jawatan Kerajaan di dalam suatu masa yang singkat, sesuai dengan hasrat dan matlamat Operasi Isi Penuh.

ORANG-ORANG TEBUSAN AMERIKA DI IRAN

27. Tuan Shaari bin Jusoh minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada beliau sedar akan masalah penahanan tebusan Amerika di Iran sekarang, dan jika ya, apakah usaha-usaha yang dijalankan oleh Malaysia untuk menyelesaikan masalah tersebut.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj: Malaysia percaya bahawa isu orang-orang tebusan Amerika Syarikat di Iran hendaklah diselesaikan secara damai, dengan tidak menggunakan sekatan ekonomi oleh mana-mana negara atau kumpulan negara-negara. Malaysia menyokong dengan sepenuhnya keputusan yang telah diambil di Persidangan

Islam ke 11 di Islamabad pada bulan Mei, 1980, mengenai masalah ini. Persidangan itu telah menyeru Iran dan Amerika Syarikat supaya terus mengambil langkah-langkah untuk tujuan mencapai penyelesaian damai mengenai soal itu. Dalam pada itu juga, kita tidak menyokong percubaan Amerika Syarikat baru-baru ini untuk membebaskan orang-orang tebusan itu, oleh kerana percubaan itu merupakan terhadap kedaulatan dan keutuhan wilayah negara Iran. Langkah-langkah seperti itu akan memburukkan lagi suasana dan mengancam ketenteraman wilayah itu. Walau bagaimanapun, Malaysia berpendapat bahawa penahanan orang-orang tebusan Amerika itu melanggar prinsip-prinsip perhubungan antarabangsa.

Malaysia telah menyeru kepada semua pihak supaya mengambil sikap sabar untuk mengelakkan masalah itu menjadi lebih buruk lagi dan untuk menghindarkan semua rintangan yang boleh menyekat penyelesaian damai. Ini adalah sejajar dengan keputusan Persidangan Islam dan kita harap bahawa semua pihak akan mengambil tindakan yang waras untuk mencapai penyelesaian damai.

KEPUTUSAN PEPERIKSAAN PENILAIAN DARJAH 5

28. Tuan Haji Hashim bin Endut minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kementerian beliau sedar yang kebanyakan keputusan peperiksaan darjah 5 sekolah kebangsaan dalam kawasan pendalaman dalam Ulu Muda menunjukkan angka kosong peratus (0%) lulus yang menyebabkan ibu-bapa gelisah dan tidak puas hati. Jika ya, apakah tindakan Kementerian bagi menghalang kejadian seumpama ini berulang lagi di masa-masa akan datang.

Menteri Pelajaran (Dato' Musa bin Hitam): Kementerian menyedari bahawa ada beberapa buah sekolah kebangsaan di kawasan pendalaman mempunyai keputusan peperiksaan penilaian darjah 5 yang terlalu rendah peratusnya. Bila keadaan seperti ini berlaku Pengarah Pelajaran Negeri yang menerima secara langsung keputusan peperiksaan penilaian darjah 5 ini akan mengambil langkah-langkah yang berikut:

- (a) Meminta Guru Besar sekolah atau sekolah-sekolah yang berkenaan menyampaikan laporan yang jelas mengenai perkara-perkara berikut:
 - (i) Menerangkan mengapa sekolahnya mendapat keputusan yang begitu buruk dalam keseluruhan peperiksaan tersebut dan juga keterangan mengenai kelemahan yang terdapat bagi tiap-tiap mata-pelajaran.
 - (ii) Langkah-langkah yang akan diambil oleh sekolah bagi mengatasi kelemahan-kelemahan yang terdapat supaya kelemahan-kelemahan itu dapat diperbaiki.
 - (iii) Masalah-masalah yang dihadapi oleh sekolah yang berkenaan dan cadangan-cadangan untuk mengatasinya.
- (b) Mengarah satu pemeriksaan dibuat mengenai perjalanan sekolah oleh:
 - (i) Penyelia-penyelia Jabatan Pelajaran Negeri; atau
 - (ii) Pemeriksaan dibuat oleh Jemaah Nazir Sekolah.

Kemudian diikuti pula oleh lawatan-lawatan oleh pegawai-pegawai Jabatan Pelajaran Negeri untuk memerhatikan yang cadangan-cadangan dan perakuan yang dibuat untuk meningkatkan pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan oleh sekolah dengan teratur. Lawatan-lawatan ini akan diteruskan sehingga didapati sekolah telah melaksanakan segala cadangan dan perakuan untuk membaiki keadaan.

Ada kalanya langkah-langkah yang lain perlu juga diambil seperti:

- (a) Menukarkan guru-guru supaya pengajaran yang lebih efektif dapat diberi kepada murid-murid.
- (b) Memberi latihan semula kepada guru-guru melalui kursus dalam perkhidmatan untuk membantu guru-guru mengatasi masalah-masalah pengajaran dan pembelajaran.
- (c) Memberi alat-alat bantuan mengajar dan bahan-bahan bacaan tambahan dan sebagainya kepada sekolah-sekolah.
- (d) Membaiki rancangan kesihatan di sekolah itu termasuk melaksanakan rancangan makanan tambahan dan juga khidmat kesihatan.

Langkah-langkah yang disebutkan di atas akan mengambil masa untuk dapat dilihat kejayaannya tetapi dengan kerjasama ibu-bapa dan guru-guru, kemajuan murid-murid dalam pencapaian pelajaran mereka akan dapat dilihat secara beransur-ansur.

PELAJAR-PELAJAR HIGHER SCHOOL CERTIFICATE

29. Tuan Karpal Singh minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah pelajar-pelajar yang diambil untuk mengikuti kursus Higher School Certificate untuk tahun 1980 untuk aliran sains dan sastera menurut kaum, dan

jika boleh beri angka-angka mengikut negeri. Sila nyatakan jumlah aggregate minima yang dikehendaki untuk memasuki aliran sains dan sastera. Adakah benar pelajar-pelajar bukan bumiputra yang telah memperolehi aggregate 10 telah dinafikan tempat untuk kursus Higher School Certificate sedangkan terdapat kes-kes di mana mereka memperolehi aggregate yang kurang diberi tempat.

Dato' Musa bin Hitam: Oleh kerana jawapan kepada soalan ini melibatkan angka yang banyak, ianya adalah seperti yang dibentangkan di hadapan Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang.

1. ALIRAN INGGERIS—JURUSAN SAINS—

	<i>Melayu</i>	<i>China</i>	<i>India</i>	<i>Lain-lain</i>
Perlis	46	23	1	0
Kedah	283	195	14	3
Pulau Pinang	249	532	22	7
Perak	461	585	52	8
Wilayah Persekutuan	524	614	69	15
Selangor	137	384	55	7
Negeri Sembilan	407	170	24	3
Melaka	232	267	10	4
Johor	423	454	27	1
Pahang	168	159	9	2
Trengganu	186	29	0	0
Kelantan	281	77	3	3
Jumlah ..	3,397	3,490	286	52

Jumlah—Bumiputra—3,397 Bukan Bumiputra—3,828

2. ALIRAN INGGERIS—JURUSAN SASTERA—

	<i>Melayu</i>	<i>China</i>	<i>India</i>	<i>Lain-lain</i>
Perlis	16	5	2	1
Kedah	337	34	9	3
Pulau Pinang	132	326	23	9
Perak	438	260	54	6
Wilayah Persekutuan	220	330	61	17
Selangor	176	209	46	14
Negeri Sembilan	277	94	24	7
Melaka	167	156	15	4
Johor	350	186	19	9
Pahang	165	48	17	1
Trengganu	139	14	1	1
Kelantan	171	24	0	0
Jumlah ..	2,586	1,695	270	72

Jumlah—Bumiputra—2,586 Bukan Bumiputra—2,037

3. ALIRAN KEBANGSAAN—JURUSAN SAINS—

	<i>Melayu</i>	<i>China</i>	<i>India</i>	<i>Lain-lain</i>
Perlis	47	4	1	0
Kedah	351	37	16	3
Pulau Pinang	117	50	12	1
Perak	285	59	20	2
Wilayah Persekutuan	343	25	11	1
Selangor	153	10	7	0
Negeri Sembilan	233	21	12	0
Melaka	130	12	3	3
Johor	497	26	12	0
Pahang	217	25	3	0
Trengganu	318	14	0	0
Kelantan	291	12	0	3
Jumlah ..	2,982	295	97	13

Jumlah—Bumiputra—2,982 Bukan Bumiputra—405

4. ALIRAN KEBANGSAAN—SASTERA—

	<i>Melayu</i>	<i>China</i>	<i>India</i>	<i>Lain-lain</i>
Perlis	45	0	0	0
Kedah	359	1	0	2
Pulau Pinang	76	9	6	0
Perak	299	1	5	0
Wilayah Persekutuan	87	2	0	0
Selangor	355	0	0	0
Negeri Sembilan	179	0	2	0
Melaka	174	0	1	0
Johor	490	3	2	0
Pahang	194	4	2	0
Trengganu	303	2	0	2
Kelantan	308	3	0	0
Jumlah ..	2,869	25	18	4

Jumlah—Bumiputra—2,889 Bukan Bumiputra—47

Syarat-syarat kelayakan ke Tingkatan Enam Rendah 1980 adalah seperti berikut—

<i>Aliran Inggeris</i>	<i>Bumiputra</i>	<i>Bukan Bumiputra</i>
(a) Jurusan Sains/Teknik	1. Gred I atau II. 2. Lulus Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris. 3. Gred I—tidak lebih daripada 21 unit. Gred II—tidak lebih daripada 18 unit (dalam 3 mata-pelajaran terbaik yang berkenaan).	1. Gred I atau II. 2. Lulus Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris. 3. Gred I—tidak lebih daripada 8 unit. Gred II—tidak lebih daripada 6 unit (dalam 3 mata-pelajaran terbaik berkenaan). 4. Kelonggaran diberi kepada bukan bumiputra luar bandar Gred I—9 unit, Gred II—7 unit.
(b) Jurusan Sastera	1. Gred I atau II. 2. Kepujian dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris. 3. Tidak lebih daripada 15 unit dalam 3 mata-pelajaran terbaik berkenaan.	1. Gred I sahaja. 2. Kepujian dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris. 3. Tidak lebih daripada 9 unit dalam 3 mata-pelajaran terbaik berkenaan.

Aliran Kebangsaan:

(a) Jurusan Sains/Teknik	<i>Bumiputra dan bukan Bumiputra</i> 1. Gred I atau II. 2. Lulus Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris. 3. Gred I—tidak lebih daripada 21 unit, Gred II—tidak lebih daripada 18 unit (dalam 3 mata-pelajaran terbaik berkenaan).
(b) Jurusan Sastera	<i>Bumiputra dan bukan Bumiputra</i> 1. Gred I atau II. 2. Kepujian dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris. 3. Tidak lebih daripada 15 unit dalam 3 mata-pelajaran terbaik berkenaan.

Dengan demikian murid-murid bukan bumiputra yang mendapat aggregate 10 adalah tidak layak untuk mendapat tempat di

tingkatan Enam Rendah kecuali mereka yang diberi pertimbangan atas kejayaan sukan/permainan.

WAKTU BEKERJA BAGI KAKITANGAN KERAJAAN

30. Tuan Ting Chek Ming minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa kakitangan Kerajaan pergi dan balik dari pejabat mereka masing-masing tanpa mematuhi masa yang ditetapkan dan jika demikian apakah langkah beliau akan ambil supaya kakitangan-kakitangan awam tidak membazirkan masa mereka atas perbelanjaan pembayar cukai.

Menteri Tak Berportfolio (Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf): Waktu bekerja pejabat telah ditetapkan oleh Kerajaan dari 8.00 pagi hingga 4.15 petang bagi hari bekerja penuh dan 8.00 pagi hingga 12.45 tengahari bagi hari bekerja separuh hari. Perintah Am Bab "G" 5 menghendaki semua pegawai dan kakitangan Kerajaan mematuhi waktu-waktu bekerja dan hadir di pejabat dalam masa yang ditetapkan. Seseorang pegawai yang hendak meninggalkan pejabatnya di waktu bekerja hendaklah terlebih dahulu mendapatkan kebenaran daripada pegawai yang mengawasi sebelum berbuat demikian.

Peraturan-peraturan Pegawai-pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) Perintah Am Bab "D" 1969 membolehkan Lembaga Tatatertib mengambil tindakan tatatertib terhadap mana-mana anggota Perkhidmatan Awam yang melanggar tatakelakuan atau aturan kerja yang ditetapkan oleh Kerajaan.

Saya ingin juga menjelaskan bahawa bekerja mengikut waktu pejabat sahaja tidak mencukupi. Pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan dikehendaki juga menggunakan tempoh masa bekerja itu dengan sepenuhnya untuk memberi perkhidmatan yang baik kepada rakyat atau menjalankan apa-apa tugas rasmi dengan memuaskan.

KENAIKAN KOS FUEL/FCVC

31. Tuan Chan Teck Chan minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan bahawa apakah keputusan telah diambil untuk mengkaji dan mempertimbangkan akibat kenaikan kos fuel/FCVC yang dikemukakan oleh Lembaga Letrik Negara baru-baru ini, dan memandangkan FCVC baru dinaikkan tidak terasa lamanya serta inflasi sedang menyerang negara kita, adakah Kerajaan akan meresap segala kos kenaikan ini

supaya segala kenaikan kos fuel/FCVC yang mungkin membawakan suatu akibat buruk dari segi inflasi ini dapat dielakkan.

Tuan Leo Moggie anak Iroke: Kerajaan masih lagi mengkaji cara yang sebaik-baiknya bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh Lembaga Letrik Negara akibat daripada kenaikan harga minyak. Kerajaan sedar bahawa keputusan mengenainya mempunyai implikasi yang luas terhadap ekonomi negara dan, dengan demikian, kajian yang mendalam dan teliti sedang dilakukan. Sama ada Kerajaan akan meresapkan segala kenaikan kos bahanapi atau sebahagian daripadanya adalah bergantung kepada rumusan kajian ini. Saya memberi jaminan bahawa keputusan yang akan dibuat nanti akan berasaskan kepada kepentingan ekonomi, rakyat dan negara.

BANK PERTANIAN—PROJEK PERTANIAN TANPA CAGARAN

32. Tuan Patrick anak Uren minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada Bank Pertanian akan membiayai projek pertanian tanpa menghendaki sesuatu cagaran kecuali sesuatu kajian yang teliti terhadap sesuatu projek didapati memuaskan; jika benar, apakah tugas Bank Pertanian.

Dato' Shariff Ahmad: Memang benar bahawa Bank Pertanian Malaysia boleh membiayai projek-projek pertanian tanpa menghendaki sesuatu cagaran, iaitu setelah didapati dari kajian yang teliti bahawa projek yang hendak dijalankan itu merupakan projek yang "viable". Cagaran adalah merupakan salah satu daripada syarat-syarat yang dikenakan dan bukan merupakan keperluan utama dalam meluluskan pinjaman-pinjaman. Sekiranya projek yang dicadangkan itu "viable" tetapi pemohon tidak dapat mengadakan harta tetap sebagai cagaran, Bank Pertanian Malaysia boleh menerima penjamin, iaitu orang perseorangan atau institusi yang mempunyai kedudukan kewangan yang teguh.

Dari itu Bank Pertanian Malaysia adalah merupakan sebuah Badan Berkanun Kerajaan yang ditubuhkan untuk menyediakan perkhidmatan kredit dan kemudahan untuk kemajuan

serta pembangunan sektor pertanian negara, selaras dengan objektif penubuhannya iaitu;

- (1) Menggalakkan kemajuan sempurna dalam sektor pertanian di Malaysia atau mana-mana bahagiannya.
- (2) Menyelaraskan dan menyelia bantuan kredit dari kumpulan wang awam untuk maksud pertanian bagi berbagai orang atau kumpulan orang sama ada di perbadankan atau tidak.
- (3) Mengadakan kemudahan pinjaman, pendahuluan dan kredit untuk kemajuan pertanian termasuklah penghasilan dan pemasaran;
- (4) Menyelenggara wang simpanan khususnya dalam bidang pertanian dan bagi mencapai tujuan ini menerima wang simpanan dan deposit masa.

WANG "DEPOSIT" LLN— BAYARAN FAEDAH

33. Tuan Mohamed Khir Johari minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan jumlah wang setakat hujung tahun 1979 yang dikutip oleh LLN sebagai "deposit" atau cengkeram daripada pengguna-penggunanya dan nyatakan adakah ada rancangan bagi pihak LLN membayar faedah di atas wang "deposit" atau cengkeram itu.

Tuan Leo Moggie anak Iroke: Untuk makluman Yang Berhormat jumlah wang "deposit" atau cengkeram yang dipegang oleh LLN pada 31hb Disember, 1979 adalah sebanyak \$64,919,286.78. Kerajaan tidak bercadang untuk membayar faedah ke atas wang cengkeram ini sebab cengkeram-cengkeram ini merupakan cagaran-cagaran, dan tidak dianggap sebagai bayaran pendahuluan atau pinjaman kepada pihak Kerajaan. Amalan tidak membayar faedah ke atas cengkeram bukan sahaja amalan pihak Kerajaan sahaja tetapi ia merupakan amalan pihak swasta juga.

TANGGAGAJI DOKTOR-DOKTOR

34. Puan Sharifah Dorah binti Mohammad minta Menteri Kesihatan menyatakan, memandangkan iaitu ramai pakar-pakar perubatan dan para-para doktor yang meletakkan jawatan bukan sahaja kerana tanggagaji yang tidak memuaskan, tetapi juga ialah

kerana layanan-layanan kenaikan pangkat, tidak mencukupi kemudahan-kemudahan, apakah langkah-langkah yang telah, sedang dan akan dijalankan oleh Kementerian Kesihatan bagi mengatasi masalah-masalah ini supaya para-para doktor dapat menjalankan tugas dengan sempurna dan rakyat mendapat rawatan yang diperlukan.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, semua golongan kakitangan perkhidmatan awam, termasuk doktor-doktor akan menerima semakan gaji dan elaun-elaun mulai bulan Julai tahun ini. Selain dari itu doktor-doktor dengan kelayakan kepakaran juga akan menerima elaun-elaun pakar yang selaras dengan tingkatan mereka. Misalnya, seseorang pakar Tingkatan Tertinggi "G" dengan gaji sebanyak \$3,020.25 sebulan sekarang akan layak menerima jumlah gaji sebanyak \$4,250, apabila tanggagaji baru dan elaun-elaun ini dilaksanakan kelak.

Di samping itu Kementerian Kesihatan telah memperolehi persetujuan Kerajaan supaya susunan perkhidmatan-perkhidmatan ikhtisas ini, termasuk doktor-doktor, doktor-doktor pergigian dan ahli-ahli farmasi, diperbaiki lagi agar mereka mendapat peluang yang lebih baik dari segi kenaikan pangkat. Misalannya, telah diputuskan bahawa jawatan Ketua Pengarah Kesihatan, yang dahulunya di dalam Tingkatan Tertinggi "A", dinaikan ke Turus III. Satu jawatan yang baru untuk Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan akan diwujudkan di dalam Tingkatan Tertinggi "A". Lain-lain jawatan di dalam perkhidmatan-perkhidmatan ikhtisas ini adalah sedang dikaji sekarang, sejajar dengan kenaikan taraf dan pengujudan jawatan-jawatan atasan ini, dengan harapan untuk melaksanakannya secara bersama dengan kenaikan gaji am yang telah diisytiharkan dahulu.

Rancangan-rancangan latihan untuk doktor-doktor dan lain-lain pegawai professional juga adalah sedang dikaji semula sekarang bagi mengadakan peluang-peluang yang lebih banyak untuk latihan-latihan ini, sama ada di dalam ataupun di luar negeri. Kementerian Kesihatan sedang membuat perhubungan yang rapat dengan badan-badan ikhtisas dan universiti-universiti yang berkenaan mengenai latihan perubatan ijazah lanjutan. Adalah diharapkan bahawa suatu

persetujuan akan diperolehi kelak bagaimana rancangan-rancangan latihan ini patut dianjurkan di dalam negara ini.

KENAIKAN HARGA MINYAK

35. Tuan Wong Hoong Keat minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada beliau sedar bahawa kenaikan harga minyak yang baru-baru ini telah mendatangkan kesusahan yang bertambah kepada rakyat terutama sekali yang miskin dan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mengurangkan beban mereka.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad): Kerajaan sedar bahawa sebarang kenaikan harga barang-barang petroleum akan mendatangkan kesusahan kepada rakyat, terutama sekali yang miskin. Oleh kerana ini, Kerajaan telah memberi pertimbangan yang wajar kepada faktor ini dalam kajian harga minyak petroleum dan telah cuba mengurangkan bebanan bukan sahaja kepada mereka yang miskin tetapi juga kepada semua rakyat dan sektor ekonomi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak dapat mengelakkan sama sekali kenaikan dalam harga barang-barang petroleum. Ini ialah kerana harga barang-barang petroleum di negara kita bergantung secara langsung kepada harga minyak mentah OPEC. Pada masa sekarang, Malaysia mengimpot lebih kurang 70 peratus daripada minyak mentah dan 23 peratus daripada barang-barang petroleum dari luar negeri. Harga minyak mentah telah meningkat kira-kira 45 peratus dari bulan Ogos, 1979 hingga bulan April, 1980. Walaupun demikian, struktur harga barang-barang petroleum yang diluluskan pada 25hb April, 1980 adalah yang paling minima untuk membolehkan syarikat-syarikat minyak menampung sebahagian daripada kenaikan kos mereka. Bakinya adalah diserap oleh syarikat-syarikat minyak.

Langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk mengurangkan beban kepada rakyat ialah dengan pemberian subsidi ke atas

barang-barang petroleum untuk mengelakkan harganya meningkat lebih tinggi lagi. Subsidi-subsidi ini adalah seperti berikut:

(i) *Subsidi ke atas minyak disel dan minyak tanah*

Berkuatkuasa mulai 25-4-1980, minyak disel diberi subsidi sebanyak 86 sen segelen dan minyak tanah \$1.04 sen segelen di Semenanjung Malaysia, \$1 segelen di Sarawak dan 99 sen segelen di Sabah. Subsidi ini diberi kepada syarikat-syarikat minyak untuk membolehkan mereka menjual pada paras harga yang lebih rendah yang ditetapkan oleh Kerajaan. Subsidi ini akan menelan belanja kira-kira \$348 juta setahun;

(ii) *Pampasan kepada barang-barang petroleum yang diimpot*

Pampasan diberi ke atas gas pemasak, premium petrol, regular petrol, disel dan minyak tanah yang diimpot untuk membolehkan syarikat-syarikat minyak menjual di paras harga baru yang mana adalah lebih rendah dari kos pengimpotan. Ini juga adalah sebagai satu galakan kepada syarikat-syarikat minyak untuk mengimpot barang-barang tersebut. Pampasan ini dijangka akan menelan belanja kira-kira \$270 juta setahun;

(iii) *Pampasan kepada kilang penapis*

Pampasan juga diberi kepada kilang penapis Shell di Lutong untuk membolehkan syarikat tersebut menjual dengan harga yang lebih murah. Ini ialah kerana kilang penapis Shell sedang memproses minyak jenis Miri yang mana harganya adalah lebih tinggi daripada harga minyak mentah lain. Pampasan ini juga akan membolehkan Kerajaan mengadakan harga runcit yang sama di Sarawak, Sabah dan Semenanjung Malaysia. Pampasan ini dijangka menelan belanja kira-kira \$20 juta setahun.

Jumlah kos yang ditanggung oleh Kerajaan dalam bentuk subsidi dan pampasan tersebut di atas adalah dianggarkan berjumlah \$638 juta tahun 1980.

BANCI PENDUDUK DAN PERUMAHAN

36. **Dr Tan Tiong Hong** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) jumlah perbelanjaan bagi melancarkan Banci Penduduk yang baru ini; dan
- (b) rancangan Kerajaan untuk menggunakan keputusan-keputusan dari banci itu.

Menteri Tak Berpotfolio (Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf): Bagi menjawab soalan Yang Berhormat itu (a), perbelanjaan bagi menjalankan Banci Penduduk dan Perumahan 1980 adalah dianggarkan berjumlah \$45 juta. Anggaran ini akan meliputi perbelanjaan projek yang berkaitan selama tempoh lima tahun mulai tahun 1979 hingga tahun 1983.

Mengenai soalan (b) pula, tujuan utama Banci Penduduk dan Perumahan 1980 adalah untuk mendapatkan kiraan yang tepat mengenai jumlah penduduk dan butir-butir yang berkaitan dengan kehidupan mereka. Keputusan dari Operasi Banci ini merupakan satu 'bench mark' yang mustahak kepada Kerajaan kerana berasaskan kepada butir-butir yang dikumpulkan itu dasar yang lebih tepat akan dapat dirangka dan rancangan serta projek-projek jangka pendek dan jangka panjang akan dapat disediakan bagi memperhebatkan lagi proses pembangunan masyarakat. Maklumat-maklumat dari operasi banci itu juga boleh digunakan untuk rujukan bagi perancangan kerja hari-hari oleh agensi-agensi kerajaan dan badan-badan lain termasuk pihak swasta.

PROJEK PEMBANGUNAN— KEMAJUAN PELAKSANAAN

37. **Tuan Hishamuddin bin Haji Yahaya** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (i) berapa peratuskah projek-projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga yang telah dilaksanakan setakat ini oleh Kementerian Perusahaan Awam, Kementerian Kerjaraya, dan Kemudahan-kemudahan Awam, Kementerian Kesihatan, Kementerian Pelajaran, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos.
- (ii) dan di mana prestasi tidak memuaskan, nyatakan sebab-sebab maka berlakunya demikian.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Seperti Yang Berhormat sedia maklum Kerajaan telah membentuk satu sistem pengesanan projek yang bertujuan untuk mengesan kemajuan pelaksanaan projek-projek pembangunan. Sistem ini pada masa ini sedang mengumpul serta menganalisa maklumat-maklumat mengenai prestasi pelaksanaan projek-projek pembangunan dimana maklumbalas disediakan kepada Kementerian-kementerian dan Agensi-agensi Kerajaan untuk membantu mereka mengambil tindakan-tindakan yang perlu bagi mempercepatkan pelaksanaan projek-projek pembangunan.

Berasaskan kepada sistem ini Kerajaan dapat mengetahui semua masalah-masalah yang melewati pelaksanaan setengah-tengah projek pembangunan. Di antara masalah-masalah utama pelaksanaan ialah masalah ketidakcukupan pendorong-pendorong swasta, kekurangan bahan-bahan binaan dari masa ke semasa, masalah di peringkat perancangan mendalam dan masalah pengambilan tanah.

Kerajaan sememangnya memberi keutamaan ke atas perkara ini dan satu Jawatankuasa Kabinet mengenai langkah-langkah mempercepatkan projek-projek pembangunan telah dibentuk bagi mengawasi dan mengkaji kemajuan pelaksanaan projek-projek pembangunan. Jawatankuasa ini di antara lain akan mengkaji prestasi pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga serta menentukan masalah-masalah serta isu-isu utama yang menghalang pencapaian matlamat Rancangan Malaysia Ketiga. Jawatankuasa ini juga akan mengkaji serta menilai sistem pelaksanaan Kerajaan serta merangka strategi-strategi bagi menjamin supaya masalah-masalah pelaksanaan projek dapat diatasi. Strategi-strategi yang dirangka ini akan juga dimasukkan ke dalam Rancangan Malaysia Keempat bagi menjamin supaya pelaksanaannya kelak akan dapat dijalankan dengan lebih sempurna.

HUNG KOK SWEE MATI DITEMBAK

38. **Tuan Seow Hun Khim** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar tentang satu kejadian di Bukit Mertajam di mana seorang anggota Polis, tanpa sebab-sebab menasabah, telah menembak

seorang penjual ikan, Hung Kok Swee, semasa dia (Hung Kok Swee) menunggang motosikal ke tempat kerjanya di pasar Bukit Mertajam pada 1.4.80 jam 4.30 pagi; dan

- (b) apakah tindakan disiplin yang beliau telah ambil atau akan ambil terhadap anggota Polis yang berkenaan.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Saya sedar mengenai suatu insiden yang berlaku di Jalan Pasar, Bukit Mertajam pada 1hb April, 1980 jam lebih kurang 4.30 pagi. Menurut siasatan awal, pada pagi itu Konstabel 4152 Zainal Abidin sedang menjalankan tugas pemeriksaan (spot check) di kawasan Jalan Pasar. Subjek HUNG KOK SWEE ditembak bila ia tidak mematuhi arahan Polis supaya berhenti. Walau bagaimanapun, kes ini masih dalam siasatan lanjut dengan tujuan mendakwa di Mahkamah dan oleh itu tidaklah wajar bagi saya membuat teguran lanjut setakat ini.

PENCOLEKAN KANAK-KANAK DI PULAU PINANG

39. Tuan V. Govindaraj minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan apakah tindakan-tindakan Kementeriannya bercadang mengambil untuk membanteras pencolekan kanak-kanak yang kian meningkat, terutama sekali di Pulau Pinang.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Kerajaan memang memandang berat terhadap kejadian pencolekan kanak-kanak yang berlaku baru-baru ini. Oleh itu pihak polis telah mengambil langkah-langkah untuk membentersanya dan mengeluarkan arahan kepada semua anggota untuk mengesan dan merisik orang-orang yang disyaki terlibat dalam kegiatan ini terutama di kawasan yang kerap berlaku kejadian sedemikian rupa. Kerjasama orang ramai juga amat diperlukan bagi melancarkan penyiasatan yang segera ke atas sesiapa yang disyaki.

Di samping itu Kementerian saya dan Jabatan Kebajikan Masyarakat sedang mengkaji semula undang-undang yang ada termasuk Ordinan Kanak-kanak dan orang Muda No. 33/47 dengan cadangan untuk menyingkikan hukuman ke atas kesalahan-kesalahan yang dilakukan di bawah undang-undang tersebut.

Bantuan Rukun Tetangga telahpun diminta dan dari penangkapan di Pulau Pinang dan Melaka telah mendatangkan kesan yang baik dan semenjak awal bulan Mei sehingga ke hari ini tiada laporan pencolekan kanak-kanak diterima. Mereka yang terlibat itu telah dituduh di mahkamah pada akhir bulan April.

LAPANGAN TERBANG PENGKALAN CHEPA—PEMBESARAN

40. Tuan Hussein bin Mahmood minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau mempunyai rancangan untuk membesarkan lagi landasan kapal terbang Pengkalan Chepa Kelantan untuk membolehkan pesawat Airbus dan DC 10 mendarat memandangkan keperluan penerbangan melalui lapangan terbang tersebut kian bertambah dan perkhidmatan Boeing B 737 tidak mencukupi.

Dato' Lee San Choon: Lapangan terbang Pengkalan Chepa, Kelantan sekarang mempunyai landasan sepanjang 6,500 kaki yang boleh menampung keperluan pesawat jenis B 737. Buat masa ini pihak MAS mengadakan sebanyak 24 penerbangan seminggu ke Kota Bharu iaitu 17 penerbangan B 737 dan 7 penerbangan F 27.

Untuk menampung keperluan penumpang yang semakin bertambah ini, sebuah bangunan "terminal" baru berharga \$2 juta sedang dibina. Kerja-kerja menanam cerucuk (pilings) telahpun selesai dijalankan dan pembinaannya dijangka bermula pada minggu pertama bulan Ogos 1980. Bangunan baru ini dijangka siap pada penghujung tahun 1981. Sementara itu bangunan "terminal" yang ada sekarang telah diperbesarkan dengan menambah ruang balai bertolak bagi melegakan kesesakan sekarang.

Selain dari kerja-kerja di atas, pembinaan sebuah Lapangan terbang Baru bagi menampung operasi pesawat-pesawat yang lebih besar seperti DC 10 dan B 737 juga sedang diuruskan. Sebuah firma perunding telahpun dilantik untuk menjalankan kerja-kerja "detailed design" dan telah memulakan tugas pada 1hb April, 1980. Projek Lapangan terbang baru ini yang termasuk pembinaan sebuah bangunan terminal yang lebih besar dan landasan yang panjangnya 11,000 kaki dijangka siap pada tahun 1984.

LEBUHRAYA TOLL IPOH UTARA-SELATAN

41. **Tuan Lee Kaw** minta Menteri Kerjaya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan sama ada benar tiada sebarang konsortium yang ingin mengambil bahagian dalam pembinaan lebuhraya utara-selatan dengan cara "package system"; jika benar nyatakan rancangan-rancangan lain Kementerian beliau untuk membina lebuhraya utara-selatan itu.

Dato S. Samy Vellu: Dalam menjawab pertanyaan dari Ahli Yang Berhormat ini, sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian saya pada mulanya telah berusaha mencari kemungkinan untuk membina lebuhraya toll dari utara ke selatan itu secara "package deal" di mana kewangan akan disediakan sendiri oleh konsortium berkenaan dan seterusnya menguruskan pembinaan dan penyelenggaraan lebuhraya tersebut serta memungut toll. Untuk mendapatkan kepastian sebenar bagi rancangan ini "pre-qualification exercise" telah diadakan terhadap sebahagian dari projek tersebut iaitu projek lebuhraya Toll Ipoh Utara dan Selatan untuk dilaksanakan secara "package deal" oleh konsortium-konsortium yang berminat. Sambutan terhadap "prequalification exercise" tersebut dari konsortium-konsortium tempatan adalah dingin, manakala konsortium-konsortium dari luar negeri yang berminat berkehendakkan beberapa "guarantee", "Subsidy" dan syarat-syarat lain yang tak dapat dipersetujui oleh pihak Kerajaan. Dengan demikian pihak Kerajaan telah memutuskan untuk melaksanakan sendiri pembinaan Lebuhraya Utara-Selatan melalui Lembaga Lebuhraya yang ditubuhkan bagi mengendalikan semua perkara berhubung dengan pelaksanaan keseluruhan sistem lebuhraya Toll itu termasuk kewangan, pembinaan, operasi dan penyelenggaraan.

IKLAN ROKOK DI RADIO/ TALIVISYEN

42. **Tuan P. Patto** minta Menteri Penerangan menyatakan:

- (a) sebab-sebab pengiklanan rokok-rokok masih dibenarkan dalam Radio dan Talivisyen Malaysia untuk menggalakkan lebih ramai orang menghisap rokok wal-hal Kementerian Kesihatan sendiri telah memberi amaran bahawa merokok membahayakan kesihatan;

- (b) sama ada beliau sedar bahawa pengharaman pengiklanan rokok-rokok dalam Radio dan Talivisyen Malaysia akan mewujudkan lebih banyak lagi peluang pekerjaan "salesmen" oleh kerana setiap syarikat rokok perlu mengambil lebih ramai lagi "salesmen" untuk memastikan penjualan jenis rokok mereka tidak jatuh, jika ya, bilakah pengharaman ini akan dibuat.

Menteri Penerangan (Dato' Mohamed bin Rahmat):

- (a) Soalan yang sama telahpun dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat pada 19-3-1980 dan jawapannya telahpun diberi oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan. Saya tidak ada apa-apa untuk ditambah kepada jawapan yang telah diberikan.
- (b) Saya tidak sedar.

PENCOLEKAN BAYI DAN KANAK-KANAK—BILANGAN

43. **Tuan Karpal Singh** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri beri sebab-sebab mengapa berlakunya pencolekan bayi-bayi di negara ini terutama sekali di negeri Pulau Pinang, nyatakan bilangan laporan-laporan Polis mengenai pencolekan bayi-bayi yang dibuat, berapa ramaikah bayi-bayi yang masih belum lagi didapati dan bilangan yang dapat diselamatkan.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Siasatan Polis menunjukkan bahawa pencolekan dan percubaan mencolek bayi dan kanak-kanak yang berlaku di negara ini adalah dengan tujuan untuk dijual dengan harga yang tinggi kepada pembeli-pembeli yang mahukan bayi-bayi tersebut dijadikan anak angkat.

Dalam tahun 1978 dan 1979 tidak ada laporan berhubung dengan pencolekan bayi. Tetapi dalam bulan Februari, Mac dan April dalam tahun ini terdapat 10 laporan mengenai pencolekan dan percubaan mencolek bayi dan kanak-kanak. Daripada jumlah ini 6 kes merupakan percubaan mencolek sahaja. Bagaimanapun daripada jumlah 4 kes mencolek hanya 1 kes lagi yang melibatkan seorang bayi perempuan yang masih belum dapat diselamatkan.

INFLASI—LANGKAH MENGATASI

44. Tuan Chan Teck Chan minta Menteri Kewangan menyatakan bahawa apa-apa strategi yang berkesan telah diambil untuk memerangi kenaikan harta sepertimana yang dinyatakan oleh beliau dalam upacara merasmikan Konvensyen Ekonomi Malaysia ke 6 pada 7-6-1980 di mana beliau berkata "the Government will be giving highest priority to appropriate monetary, fiscal and administrative measures to restrain price "increases", sila nyatakan langkah-langkah dengan jelasnya perkara tersebut dan beritahu apakah kesan buruk telah tertimpa terhadap ekonomi Malaysia selepas melambung naiknya barang-barang keperluan seperti minyak, barang-barang makanan, pakaian dan lain-lain khususnya dalam konteks strategi Belanjawan 1980.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Sepertimana yang saya nyatakan dahulu Kerajaan akan memberi keutamaan untuk menentang inflasi supaya ianya tidak akan menjejaskan prestasi ekonomi kita, paras pendapatan sebenar dan taraf kehidupan rakyat kita. Oleh itu, Kerajaan akan sentiasa mengawasi dengan rapi keadaan inflasi dan telah mengambil berbagai langkah fiskal kewangan dan pentadbiran yang tegas bagi mengatasi masalah tersebut dan langkah-langkah ini masih diteruskan pada masa sekarang ini. Saya telahpun menghuraikan dengan panjang lebar semua langkah-langkah ini dalam Perutusan Belanjawan saya di Dewan Negara pada 12hb Disember, tahun 1979. Walau bagaimanapun, saya ingin menyatakan dengan ringkasnya di sini langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan untuk membendung inflasi.

Sejajar dengan Strategi Belanjawan 1980 bagi menggalakkan pertumbuhan dan melawan inflasi, Kerajaan telah mengambil langkah-langkah fizikal yang tegas termasuk potongan cukai yang besar dan pengurangan-pengurangan cukai dan subsidi telah juga disediakan. Kerajaan telah memberi subsidi ke atas minyak disel dan minyak tanah bagi mengelakkan kenaikan harga yang lebih tinggi bermula dari 25hb April, 1980. Subsidi ini akan menelan belanja kira-kira \$348 juta setahun. Di samping itu, pampasan sebanyak \$270 juta setahun akan diberi kepada gas pemasakan, premium petrol, regular petrol, disel dan minyak tanah yang diimport untuk membolehkan syarikat-syarikat minyak menjual di paras harga baru yang mana adalah

lebih rendah daripada kos pengimportan. Pampasan sebanyak \$20 juta setahun juga diberi kepada kilang penapis Shell di Lutong, Sarawak untuk membolehkan syarikat tersebut menjual dengan harga yang lebih murah. Jumlah kos yang ditanggung oleh Kerajaan ke atas subsidi-subsidi dan pampasan-pampasan tersebut adalah sebanyak \$638 juta setahun.

Kerajaan juga telah memperuntukkan subsidi berjumlah lebih dari \$270 juta bagi sektor pertanian dan perikanan untuk membantu petani dan nelayan dalam membiayai kos input yang lebih tinggi. Dengan itu jumlah subsidi yang diberi oleh Kerajaan bagi tahun 1980 adalah sebanyak \$984 juta. Ini adalah selaras dengan hasrat Kerajaan bagi membantu mengurangkan beban inflasi ke atas golongan yang berpendapatan rendah.

Kerajaan akan terus melaksanakan dasar kewangan yang mudah yang bertujuan mendorong pertumbuhan ekonomi, terutamanya pelaburan swasta, tanpa membawa tekanan-tekanan inflasi yang lebih besar. Beberapa langkah kewangan telahpun diambil bagi menggalakkan tabungan dan penyalurannya kepada pelaburan yang produktif termasuk perubahan dalam sistem penentuan kadar-kadar faedah bank, pembaharuan-pembaharuan dalam keperluan-keperluan mudah tunai dan memperkenalkan dua alat yang baru iaitu sijil-sijil simpan boleh-niaga dan penerimaan-penerimaan jurubank.

Kerajaan juga terus menguatkuasakan Akta Kawalan dan Bekalan bagi mencegah dan membendung keutungan yang berlebihan, kegiatan-kegiatan sorok dan spekulasi mengenai barang-barang keperluan. Lain-lain langkah pentadbiran yang telah diambil oleh Kerajaan termasuk penubuhan Jawatankuasa Kajian Semula Harga bagi mengkaji permohonan-permohonan untuk menaikkan harga oleh para pengilang sebelum kenaikan harga diluluskan.

Kerajaan telah juga menggerakkan semula Jawatankuasa Tetap Pegawai-pegawai mengenai Pencegahan Inflasi untuk mengkaji secara mendalam perkembangan harga dalam negeri dan membuat syor-syor dasar bagi menahan kenaikan harga pengguna. Syor-syor yang dibuat oleh Jawatankuasa ini telahpun diluluskan oleh Kerajaan untuk dilaksanakan. Di antara langkah-langkah yang dilaksanakan ialah projek-projek bagi menambahkan bekalan makanan khususnya

beras dan menggunakan tanah-tanah kosong yang terbiar untuk pertanian. Pada masa ini kawasan tanah terbiar seluas kira-kira 44,746 ekar sedang diusahakan oleh Kerajaan dan juga petani-petani sendiri. Sebagai usaha bagi menambah bekalan makanan, Kerajaan telah menarik balik sekatan ke atas kemasukan lembu dari negara Thai mulai dari 1hb Februari, 1980 setelah penyakit mulut dan kuku di tempat tersebut dapat dikawal. Dengan penarikan balik kawalan import tersebut, adalah dijangka harga daging di pasaran akan turun oleh kerana harga import lembu dari Thailand adalah lebih murah jika dibandingkan dengan harga lembu yang diimport dari Australia.

Usaha-usaha sedang dilakukan oleh Maju-ikan bagi menternak ikan air tawar dan ikan air payau termasuk udang, kerang dan ketam. Projek-projek ini sedang dilaksanakan di Puchong, Selangor dan Tanjung Tualang di Perak. Di samping itu, sebanyak 20 bilik-bilik sejuk sedang dibina oleh Maju-ikan, Majuternak dan Fama bagi menyimpan bahan-bahan makanan dan sayur-sayuran yang mudah rosak. Langkah ini akan dapat menjamin bekalan yang berterusan dan harga yang berpatutan untuk pengguna-pengguna.

Kemudahan-kemudahan gudang-gudang simpanan bagi menyimpan beberapa jenis bahan makanan seperti buah-buahan, makanan dalam tin dan lain-lain barang pengguna serta alat-alat ganti, alat kelengkapan dan mesin akan disediakan tidak beberapa lama lagi. Sekarang ini Perbendaharaan sedang mengkaji beberapa cadangan untuk mengadakan gudang-gudang ini di Johor Bahru, Pulau Pinang dan Kuala Lumpur. Gudang-gudang ini apabila dilaksanakan kelak akan dapat menjamin bekalan yang berterusan di seluruh negara dan harga yang berpatutan bagi barang-barang tersebut.

Kerajaan sedar bahawa kenaikan harga setengah barang-barang keperluan akan menambahkan tekanan-tekanan ke atas inflasi di negara ini. Tekanan-tekanan ke atas inflasi pada tahun ini memang telah di'angka-kan oleh Kerajaan semasa merangka Strategi Belanjawan tahun 1980 oleh kerana negara kita terdedah kepada kesan-kesan buruk inflasi di negara-negara perindustrian. Kerajaan yakin bahawa dengan langkah-langkah kewangan, fiskal dan pentadbiran yang telah

dilaksanakan Kerajaan akan dapat menahan kenaikan inflasi pada paras kira-kira 6% seperti yang dijangkakan untuk tahun 1980.

PENGELUARAN SIMEN

45. Dr Tan Tiong Hong minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) jumlah pengeluaran simen di dalam negara ini pada masa sekarang;
- (b) jumlah simen diimport dalam masa 12 bulan yang lalu; dan
- (c) masalah-masalah kekurangan bahan-bahan pembinaan dan kenaikan harga dan langkah-langkah diambil untuk mengatasi masalah-masalah tersebut.

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengeluaran simen tempatan oleh lima pengeluar simen adalah sebanyak 2,515,371 tan. Butir-butir pengeluaran simen adalah seperti berikut:

	Keupayaan m/tan	Pengeluaran Setahun m/tan
Tasek ...	1,000,000	1,044,548
APMC ...	900,000	850,000
CIMA ...	400,000	357,823
MIMCO ...	60,000	54,000
Cement Sarawak ...	430,000	209,000
Jumlah ...	2,790,000	2,515,371

- (b) Jumlah "portland" simen yang telah diimport dalam pada tahun 1979 di Semenanjung Malaysia adalah sebanyak 165,358 metric tan yang bernilai \$21,394,133.
- (c) Untuk menjawab soalan (c), kekurangan bahan-bahan binaan seperti batang-batang besi keluli berlaku kerana pengeluaran kilang-kilang tempatan seperti Malayawata dan kilang-kilang kecil yang tidak mencukupi untuk menampung semua keperluan dalam negeri. Kerajaan telah mengambil

beberapa langkah bagi mengatasi kekurangan bahan tersebut dan antara langkah yang telah diambil adalah seperti berikut:

- (i) meluluskan beberapa projek baru dan pembesaran kilang-kilang;
- (ii) Kerajaan telah melonggarkan kawalan impot terhadap batang-batang besi; dan
- (iii) Kerajaan melalui Perbendaharaan mengimpot batang-batang besi keluli yang diedarkan oleh PERNAS Trading kepada projek-projek Kerajaan.

Di antara 5 buah kilang besi keluli yang baru yang telah diluluskan oleh Kerajaan, Syarikat Amalgamated Steel Mill Sdn. Bhd., telah memulakan pengeluaran pada bulan Julai, 1979 dengan keupayaan pengeluaran tahunan sebanyak 60,000 tan. Keupayaan pengeluaran tahunan akan bertambah sekiranya kilang-kilang besi keluli lain yang baru dan juga Malayawata yang akan mengadakan rancangan pembesarnya akan bertambah sebanyak 480,000 tan seperti berikut:

	Keupayaan Pengeluaran Setahun M/tan
Antara Steel Mill Sdn. Bhd.	50,000
Intercontinental Steel Mill Sdn. Bhd.	100,000
Sabah Iron and Steel Mill Sdn. Bhd. (SEDC)	40,000
Malayawata Steel Bhd. ...	250,000
Jumlah ...	480,000

Anggaran permintaan simen dalam pasaran pada tahun 1980 dan 1981 adalah di antara 2,625,000 ke 2,887,000 m/tan. Dengan pengeluaran simen sekarang, perbekalan dan permintaan simen di negara adalah hampir seimbang. Pengimpotan simen adalah bebas dengan pembayaran cukai impot sebanyak \$2 satu tan. Masalah kekurangan simen akan diatasi dengan tambahan keupayaan APMC ke 1.2 juta m/tan yang dijangka akan memulakan pada akhir tahun 1980 setelah tiga buah syarikat simen baru yang telah diluluskan memulakan pengeluaran mereka. Tiga buah syarikat simen baru tersebut ialah syarikat Pahang Simen dan Perak Halla yang dijangka akan memulakan pengeluaran mereka pada tahun 1983 dan Syarikat Simen Perak yang dijangka akan

memulakan pengeluarannya pada tahun 1984. Masalah kos seperti minyak pembakar dan tenaga letrik yang mana merupakan bahan-bahan utama yang tinggi telah menyebabkan harga bahan-bahan binaan itu tinggi. Untuk mengatasi masalah kos ini, pengeluar-pengeluar simen dikehendaki mencari punca-punca tenaga selain daripada minyak pembakar seperti batu arang yang lebih murah supaya dapat mengurangkan kos pengeluaran mereka.

RUKUN TETANGGA BAGI GURU-GURU

46. Dr Tan Tiong Hong minta Perdana Menteri menyatakan tindakan diambil untuk memberi keutamaan kepada guru-guru bagi menjalankan tugas Rukun Tetangga mereka pada masa yang awal supaya masalah kehadiran guru di sekolah dan ketangguhan kerja-kerja pelajaran murid-murid sekolah dapat dielakkan.

Menteri Tak Berpotfolio (Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf): Di dalam melaksanakan sekim Rukun Tetangga, prinsip-prinsip muhibbah, kebijaksanaan dan bertolak ansur adalah sentiasa diamalkan. Semasa penyediaan jadual tugas-tugas Rukun Tetangga, sektor-sektor Rukun Tetangga adalah diberi panduan untuk memberi kemudahan kepada guru-guru dan penuntut-penuntut menjalankan tugas-tugas Rukun Tetangga pada penghujung minggu iaitu waktu 6 petang hingga 10 malam atau 10 malam hingga 2 pagi pada hari-hari Khamis/Jumaat atau Jumaat/Sabtu mengikut hari cuti hujung minggu di negeri-negeri yang tertentu.

Kadang-kadang masalah ini sukar juga diatasi dalam satu-satu sektor disebabkan kekurangan bilangan pemastautin. Oleh yang demikian guru-guru berkenaan terpaksa menjalankan tugas di bawah Peraturan Perlu (Rukun Tetangga) menurut keadaan biasa. Sayugia dimaklumkan bahawa, kebanyakan sektor Rukun Tetangga yang berjaya adalah disebabkan oleh penglibatan mereka secara langsung dalam Ahli Jawatankuasa sebagai Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari.

LAWATAN PRESIDEN SUHARTO KE KUANTAN

47. Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim minta Perdana Menteri menyatakan hasil lawatan Presiden Suharto ke Kuantan dalam bulan Mac, 1980 yang lalu.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Shahrir bin Abdul Samad): Jawapan kepada soalan ini sama maksudnya dengan jawapan kepada soalan No. 1 daripada Ahli Yang Berhormat dari Parit pada 9hb Jun, 1980. Saya tidak bercadang membuat apa-apa tambahan kepada jawapan yang telah saya berikan itu.

USUL MENGEMUKAKAN RANG UNDANG-UNDANG AHLI PERSENDIRIAN

AKTA KANUN ATURCARA JENAYAH (PINDAAN) 1980

3.37 ptg.

Tuan Karpal Singh (Jelutong): Tuan Speaker, saya bangun untuk meminta izin Dewan yang mulia ini menurut Perintah Tetap Mesyuarat No. 49 (1) untuk membentangkan satu Rang Undang-undang persendirian bernama Akta Kanun Aturcara Jenayah (Pindaan) 1980 bagi maksud meminda Seksyen 113 seperti digantikan melalui Akta (A) 324/76 dan menggantikannya dengan seksyen asal 113.

Tuan Speaker, Akta Kanun Aturcara Jenayah telah berkuatkuasa pada 1hb Januari, 1972. Melalui Akta (A) 324/76 seksyen 113 asal telah dipinda dan digantikan dengan seksyen baru 113.

Tuan Speaker, di bawah seksyen asal 113, kenyataan-kenyataan yang dicatat semasa siasatan polis pada amnya tidak diterima sebagai bukti dalam mahkamah. Seksyen baru 113 yang telah berkuatkuasa sejak 7hb Januari, 1976 memperuntukkan bahawa caution statements yang dibuat oleh seorang yang dituduh itu boleh diterima sebagai bukti dalam mahkamah selagi ia dibuat kepada seorang pegawai polis yang berpangkat tidak kurang dari Inspektor dan selagi tidak ada sebarang ugutan, janji atau

inducement dibuat terhadap orang yang buat kenyataan tersebut dan caution yang berikut adalah diberi kepada orang yang dituduh itu. Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, jikalau saya boleh baca caution itu dalam bahasa Inggeris:

"It is my duty to warn you that you are not obliged to say anything or to answer any question, but anything you say, whether in answer to a question or not, may be given in evidence".

Tuan Speaker, adalah tidak wajar atau highly undesirable kenyataan-kenyataan yang dibuat semasa siasatan polis dibenar untuk diterima kerana pihak polis bukanlah merupakan satu agensi yang bebas dan disebabkan itu pihak polis sepatutnya tidak dibenarkan mencatat statements dari orang-orang yang dituduh. Tujuan pihak-perundangan atau legislature supaya statements yang dibuat oleh seorang yang dituduh semasa siasatan polis tidak boleh diterima oleh mahkamah ialah untuk melindungi orang yang dituduh itu dari tindakan pegawai-pegawai polis yang "over-zealous".

Dalam kes Raja Ram melawan State of Bihar (tahun 1964), Mahkamah Supreme India telah membuat komen-komen yang berikut. Dengan izin Tuan Speaker, saya baca komen-komen itu dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua: Berapa panjang komen itu?

Tuan Karpal Singh: Pendek sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Tuan Karpal Singh: "It is the possession of these powers (powers of investigation into offences) which enables police officers and those who are deemed to be police officers to exercise a kind of authority over persons who are arrested which facilitate the obtaining from them statements which may be incriminating to the persons making them. The law allows the police officer to obtain such statements with a view to facilitate the investigation of the offences. But it renders

them inadmissible in evidence for the obvious reason that a suspicion about voluntariness would attach to them”.

Dalam kes Narayanasamy melawan Emperor, tahun 1939 Hakim-hakim Majlis Privy telah berkata:

“If one had to guess at the intention of the Legislature in framing a section in the words used, one would suppose that they had in mind to encourage the free disclosure of information or to protect the person making the statement from a supposed unreliability of police testimony as to alleged statements or both”.

Tuan Speaker, adalah selalu dikatakan bahawa seorang pegawai polis yang tidak menjalankan siasatan biasanya diminta untuk mencatat cautioned statement, dan disebabkan itu beliau akan memperoleh apa-apa keuntungan, jika ia menyalahgunakan kuasa-kuasanya di bawah seksyen baru 113 Kanun Aturcara Jenayah. Tetapi kita harus ingat pihak polislah yang ingin mendapatkan satu conviction dan mana-mana pegawai polis pasti akan bantu ke arah mendapatkan satu conviction. Tuan Speaker, terdapat terlalu banyak peristiwa-peristiwa di mana berlaku penyalahgunaan kuasa oleh pegawai-pegawai polis yang mencatat cautioned statement. Baru-baru ini dalam satu kes di mana saya telah membela seorang yang dituduh di bawah Akta ISA di Mahkamah Tinggi, Ipoh, telah terbukti bahawa tiga buah mesin taip digunakan semasa mencatat satu statement amaran sungguhpun pihak pendakwa raya telah berkata hanya sebuah mesin taip digunakan untuk mencatat statement itu. Hakim Tuan Anuar bin Datuk Zainal Abidin telah memutuskan bahawa statement tersebut tidak boleh diterima. Adalah jelas dalam kes-kes yang dibicarakan di bawah ISA penaltinya ialah hukuman mati yang wajib dan pihak polis sedia play foul. Dalam hujah saya yang dibuat dalam mahkamah tersebut, saya telah meminta supaya satu siasatan diadakan ke dalam perkara ini dan saya berharap Timbalan Pendakwa Raya Negeri Perak akan mengambil langkah-langkah yang perlu dalam perkara ini. Seorang pegawai polis kanan terlibat dalam mencatatkan statement amaran tersebut.

Tuan Speaker, jika pihak polis boleh seperti ini, maka saya berani nyatakan di sini bahawa keadaan ini menimbulkan

kecemasan atau alarm. Saya berharap, Tuan Speaker, Peguam Negara, akan mengambil perhatian akan kes tersebut yang telah berjalan di Mahkamah Tinggi, Ipoh pada 20hb Mei, 1980 dan menentukan bahawa pegawai polis yang terlibat itu dibawa untuk diadilkan.

Tuan Speaker, pihak polis berkebolehan untuk “frame-up” orang-orang yang dituduh dan mereka telah beberapa kali menunjukkan yang mereka itu berdaya membuat demikian. Kerap kali amaran tidak diberi kepada orang-orang yang dituduh sebelum statement amaran (cautioned statement) itu dicatatkan serta juga sering kali statement seumpama itu tidak dibaca balik kepada orang-orang yang membuatnya.

Tuan Speaker, undang-undang memberikan kuasa kepada seorang pegawai polis yang hanya berpangkat Inspektor untuk mencatatkan statements amaran di bawah seksyen baru 113, Kanun Aturcara Jenayah. Seseorang boleh disabitkan salah dan dihukum terutama sekali jika ia dituduh di bawah Akta ISA di mana ia boleh dihukum mati. Tuan Speaker, seksyen 115, Kanun Aturcara Jenayah memperuntukkan bahawa seorang mejistret boleh mencatat statements atau pengakuan-pengakuan dari orang-orang yang dituduh. Seksyen ini berada dalam Kanun Aturcara Jenayah kita sejak tahun 1927. Sebelum seksyen baru 113 berkuatkuasa mulai 7hb Januari, 1976 tidak seorangpun berkuasa mencatat statements atau pengakuan-pengakuan kecuali beliau seorang mejistret.

Sekarang, mana-mana pegawai polis yang berpangkat Inspektor atau lebih daripada itu boleh mencatat kenyataan-kenyataan amaran. Tuan Speaker, hampir dalam semua kes jenayah yang dibicarakan di mahkamah-mahkamah kita kenyataan-kenyataan amaran digunakan terhadap orang-orang yang dituduh itu. Pihak polis nampaknya tidak berminat menghadapkan mereka itu di hadapan seorang mejistret untuk membolehkan statements mereka itu dicatatkan oleh mejistret tersebut.

Tuan Speaker, seorang mejistret merupakan orang yang paling baik untuk mencatat statements dari orang-orang yang dituduh kerana beliau adalah seorang yang bebas serta juga beliau adalah simbol keadilan dan fair play—bukan seorang pegawai polis yang

hanya berminat untuk menentukan pihak pendakwa raya berjaya dalam kes-kes mereka.

Tuan Speaker, baru-baru ini dalam satu kes di Kuala Lumpur

Tuan Yang di-Pertua: Nanti, nanti! Yang sebut kes banyak-banyak ini, usul Yang Berhormat ini di bawah Peraturan 49 (1) ini berlainan sedikit daripada usul-usul lain, hanya boleh sebut perkara-perkara besar sahaja yang nanti kalau disetujui oleh Majlis ini hendak dijadikan Rang Undang-undang. Jadi jangan banyak sangat hujah hendak menguatkan bahawa supaya pindaan ini diadakan dalam bentuk Rang Undang-undang.

Tuan Karpal Singh: Itu betul, Tuan Speaker, tetapi ada contoh-contoh di mana ada salahguna kuasa oleh pihak polis dan patutlah saya beri

Tuan Yang di-Pertua: Yalah, yang besar-besar sahaja. Janganlah sebut banyak sangat.

Tuan Karpal Singh: Tidak berapa panjang, Tuan Speaker. Ada barangkali satu dua contoh lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Dan lagi kalau mengikut Peraturan Mesyuarat kalau Ahli Yang Berhormat ada mempunyai keuntungan, faedah kewangan kena sebut jumlah duit yang dapat. Itu mengikut Peraturan Mesyuarat kena sebut. Itu kes yang disebutkan tadi kena sebutkan berapa wang yang dapat mengikut Peraturan Mesyuarat. Saya longgar-longgar (flexible) sedikit tetapi kalau sudah banyak itu saya tidak boleh tahanlah flexibility itu.

Tuan Karpal Singh: Berapa banyak Tuan Speaker, lagi satu contoh sahaja, apa yang telah timbul dalam Mahkamah Persekutuan di sini dalam bulan Mei tahun ini. Apa yang Tuan Yang Amat Arif Tun Suffian ada bercakap dalam kes itu, dan apa yang dia cakap itu adil, dan jikalau saya dapat peluang saya berucap atas apa yang Tuan Yang Arif bercakap dalam kes itu. Bolehkah Tuan Speaker?

Tuan Yang di-Pertua: Kalau pendek tidak apalah. Saya benarkan Yang Berhormat

mengeluarkan hujah-hujah, alasan mengapa patut diadakan satu pindaan dengan memotong seksyen 113 itu.

Tuan Karpal Singh: Betul, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana

Tuan Yang di-Pertua: Bila saya bercakap duduklah! Sudah baca Peraturan Mesyuarat? Di sini, Dewan ini di bawah Peraturan Mesyuarat ini—100 fasal dengan pecahan-pecahannya—tidak ada lain. Kena ikut inilah. Sekarang teruskan perkara yang besar-besar sahaja.

Tuan Karpal Singh: Tuan Speaker, dalam kes ini ada satu pegawai Inspektor dan tiga pegawai pangkat Konstabel yang dituduh oleh kerana ada bersangkutan dengan kematian seorang bernama Noordin bin Hamzah dalam tahun 1977, dan dalam kes itu, Tun Suffian ada bercakap seperti berikut—jika saya boleh bercakap dalam bahasa Inggeris apa yang Hakim itu cakap dalam kes itu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang pendek yang berkait dengan ini sahaja.

Tuan Karpal Singh: Pendek, Tuan Speaker. "Parliament and the people would not allow a SAVAK to be established here, bringing disrepute to those responsible for the government and the administration of justice.

Parliament and the people expect the police to exercise their power in a civilised and humane way.

Those who exceed their power should not be protected by the law.

Members of the force who do their duty in accordance with the law will receive our support and encouragement but those who treat suspects in a cruel manner can expect to receive only very severe punishment."

Tuan Speaker, apa yang Tun Suffian cakapkan dalam kes itu, adil. Saya harap polis dan pihak-pihak yang berkenaan akan adopt apa yang dicakapkan oleh Lord President, Tun Suffian dalam kes itu.

Tuan Speaker, oleh kerana sebab-sebab yang saya ada beri baru-baru ini saya harapkan Dewan ini boleh memberi izin kepada saya untuk membentangkan Bil yang ada di hadapan kami.

Tuan Yang di-Pertua: Sebelum saya minta Yang Berhormat Menteri menjawab, saya suka menarik perhatian Yang Berhormat dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain kepada Peraturan Mesyuarat 35 (7). Saya bacakan di dalam bahasa Inggerisnya. Ini lebih jelas kepada Ahli Yang Berhormat:

35 (7) "A member shall not speak on any matter in which he has a direct personal pecuniary interest (other than the matter of remuneration under any provision of the Constitution) without disclosing the extent of that interest."

Itu saya tarik perhatian tadi. Dan dalam Bahasa Melayunya:

35 (7) "Seseorang ahli tidak boleh bercakap berkenaan dengan apa-apa perkara yang ada dalamnya faedah kewangan yang tepat bagi dirinya (selain daripada perkara-perkara gaji menurut apa-apa syarat dalam Perlembagaan), jika tidak diterangkannya sebanyak mana faedah bagi dirinya dalam perkara itu."

Jadi saya lepas begitu sahaja, tetapi saya beri peringatan.

Tuan Karpal Singh: Tuan Speaker, saya boleh beri penjelasan. Kes ini sudah tamat. Kami tidak ada apa-apa pecuniary interest dalam kes itu. Apa yang jadi dalam kes itu saya boleh bangkitkan sekarang. Barangkali boleh ada tindakan yang diambil.

Tuan Yang di-Pertua: Itu saya faham. Tetapi saya mengingatkan

Tuan Karpal Singh: Saya tidak ada apa-apa pecuniary interest sekarang, Tuan Speaker, di mana saya jadi peguam dalam kes itu. Bukan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang sudah selesai?

Tuan Karpal Singh: Ya, sekarang sudah selesai.

Tuan Yang di-Pertua: Saya mana tahu semua kes yang sudah selesai ataupun yang belum. Bukan kerja saya mencatatkan semua kes yang sudah selesai dan yang belum (*Ketawa*). Itu bukan kerja saya. Yang Berhormat kena terangkan begitu. Baik, jemput Yang Berhormat Menteri.

3.52 ptg.

Menteri Undang-undang (Dato' Seri Haji Hamzah bin Haji Abu Samah): Tuan Yang di-Pertua, usul yang telah dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Jelutong ini dengan jelas dan ringkasnya bagi mendapat izin Dewan ini untuk menggantikan seksyen 113 Kanun Acara Jenayah dengan peruntukan yang asal. Dengan erti kata cautioned statement tidak boleh diterima sebagai bukti di dalam perbicaraan.

Dan saya sukalah menyokong juga pendapat, Tuan Yang di-Pertua, bahawa oleh kerana saudara saya tadi ada vested interest dalam perkara ini, bukan sahaja dia sudah membicarakan kes-kes berkenaan di dalam mana cautioned statement telah dibenarkan digunakan sebagai bukti tetapi pada masa hadapan mungkin dia terlibat lagi dalam kes-kes jenayah dalam mana masalah perkara cautioned statement ini akan timbul lagi dan saya percaya oleh kerana itu dia masih ada lagi vested interest dalam perkara ini. Dan oleh kerana itu saya berpendapat lebih wajar jikalau sekiranya perkara ini dibawa menerusi Bar Council; Bar Council boleh bawa kepada Rules Committee; Rules Committee boleh bawa kepada Peguam Negara yang boleh mengkaji segala cadangan untuk meminda mana-mana peruntukan undang-undang yang ada sekarang ini.

Jadi sebagaimana Dewan yang mulia ini sedia maklum peruntukan yang asal telah dipotong melalui Akta sebagaimana kata Ahli Yang Berhormat tadi Akta A324 yang telah dibentang lima tahun dahulu dan dilulus oleh Dewan ini. Pada masa itu penjelasan telahpun dibuat bahawa oleh kerana kenyataan beramaran (cautioned statement) telahpun dipakai dalam perbicaraan bagi hampir seratus kesalahan yang berlainan di bawah tiga belas undang-undang berasingan adalah difikirkan wajar meluaskan pemaikannya kepada kesemua penyiasatan dan perbicaraan jenayah.

Kenyataan beramaran (cautioned statement) Tuan Yang di-Pertua, adalah dianggap perlu dalam penyiasatan polis dan perbicaraan Mahkamah demi kepentingan keadilan. Dan sebagaimana kita maklum cautioned statement ini dimasukkan dengan beberapa syarat.

Pertamanya, tidak ada bukti bahawa orang itu telah diugut, dipaksa membuat statement itu kerana kalau ada bukti bahawa orang itu telah dipengaruhi dengan jalan ugut dan sebagainya membuat statement ini mahkamah seringkali mengenyepikan kenyataan-kenyataan tersebut.

Sebelum pindaan kepada Seksyen 113 dibuat, kenyataan dari orang yang dituduh kepada Pegawai Polis dalam masa penyiasatan tidak boleh diterima sebagai keterangan. Dengan pindaan tersebut, kenyataan dari orang yang dituduh boleh diterima sebagai keterangan dengan syarat kedua-dua proviso yang saya nyatakan tadi kepada Seksyen 113 dipenuhi.

Sebab utama pindaan itu dibuat ialah untuk membolehkan pihak polis bukan sahaja merekodkan kenyataan orang yang dituduh bahkan juga untuk membolehkan pihak pendakwa mengemukakan kenyataan itu dalam perbicaraan supaya boleh menjadi keterangan yang mencukupi untuk mendapatkan hukuman bersalah.

Kenyataan yang diambil selepas orang yang dituduh ditangkap mestilah diambil selepas kenyataan beramaran diberi. Biasanya kenyataan itu adalah memudaratkan diri sendiri dan bersifat mengakui kesalahan diri dan jika proviso kepada seksyen 113 dipatuhi ini akan menjadi kecualian kepada seksyen 24 dan seksyen 26 Akta Keterangan. Dalam kes-kes di mana orang yang dituduh tidak memudaratkan diri sendiri, ini boleh disifatkan sebagai menyebelahi orang yang dituduh dan mungkin boleh mengelakkan dirinya daripada didakwa dan jika ia dipertuduh, mengelakkan dirinya daripada didapati bersalah.

Oleh sebab-sebab inilah seksyen 113 telah dipinda dan tidaklah dirasakan perlu ianya dipinda semula kepada peruntukan yang asal sekarang. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyeru Dewan yang mulia ini menolak usul Ahli Yang Berhormat dari Jelutong ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan usul kepada Majlis bagi diputuskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG NOTARI AWAM (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.57 ptg.

Dato' Seri Haji Hamzah bin Haji Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya satu Rang Undang-undang bernama Notari Awam (Pindaan) 1980 dibacakan bagi kali kedua.

Tuan Yang di-Pertua, menurut peruntukan Akta Notari Awam 1959, Notari Awam ialah seorang Peguambela dan Peguamcara yang dilantik menjadi Notari Awam bagi menjalankan tugas-tugas antara lain memperakui surat akuan atau mengesahkan kesempurnaannya bagi kegunaan mahkamah di luar negeri.

Oleh kerana pesatnya pembangunan negara dan perhubungan perdagangan dan perniagaan di antara Malaysia dengan negara lain maka perkhidmatan-perkhidmatan Notari bertambah mendesak. Hingga sekarang seramai 69 peguam telah dilantik sebagai Notari Awam, 57 di Semenanjung, 7 di Sabah dan 5 di Sarawak. Senarai ini tidak mencerminkan keadaan yang sebenarnya kerana Kementerian saya tidak mendapat maklumat sama ada seseorang Notari Awam itu sudah bersara atau tidak lagi mengamalkan profesinya. Umpamanya seorang peguam yang juga seorang Notari Awam mungkin menganggap dirinya sebagai perundangan (consultant) tidak lagi pergi ke pejabatnya kecuali untuk perundangan. Ada pula yang telah balik ke negeri, meninggal dunia atau bertukar jawatan. Keadaan begini tidak patut berterusan. Oleh itu pindaan kepada Akta Notari Awam tahun 1959 perlu dibuat untuk mengawal Notari Awam dengan sempurna.

Seksyen 3, Akta Notari Awam 1959 adalah dicadangkan untuk dipinda supaya dihadkan tempoh perlantikan seseorang Notari Awam sama ada setahun ke setahun atau lebih menurut keadaan.

Dengan perlantikan begini adalah diharapkan bahawa hanya mereka yang layak sahaja akan dilantik menjadi Notari Awam. Apabila seseorang Notari Awam tidak lagi dapat memberikan khidmatnya kepada

orang awam maka perlantikannya tidak akan diteruskan. Pada masa ini seorang Peguam yang dilantik sebagai Notari Awam tidak boleh ditarik balik perlantikannya sebagai Notari Awam kecuali jika namanya dipotong dalam daftar Peguam atau jika Notari Awam itu mengamalkan tugas-tugasnya di luar kawasannya, pendek kata perlantikannya berbekal. Keadaan begini tidak sihat, dengan kerana itu pindaan ini perlu dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, soalnya ialah suatu Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Notari Awam 1950 dibawa kali yang kedua dan sekarang terbuka untuk perbahasan. Yang Berhormat dari Kota Melaka.

4.02 ptg.

Tuan Chan Teck Chan (Kota Melaka): Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil bahagian dalam perbahasan ini, sungguhpun saya bukan seorang Peguam yang begitu sesuai untuk memberikan sedikit pandangan tetapi dari kajian saya di Perpustakaan Dewan Rakyat tadi, saya dapati bahawa tidak berapa jelasnya mengenai definasi tentang Notari Awam itu dan apakah jawatan yang perlu dipegang oleh seseorang untuk menjalankan tugasnya.

Umpamanya, dalam Section 3 (2) berbunyi, dengan izin, seperti berikut:

“3 (2) he is practising advocate or a pleader licensed under the Pleaders and Petition Writers Enactment”.

Tuan Yang di-Pertua, memang sangat wajarnya bagi Kerajaan untuk memberi kuasa kepada Peguam Negara untuk menghadkan tempoh perlantikan seseorang yang dilantik sebagai Notari Awam tetapi dalam Akta itu sendiri tidak begitu jelas mengatakan fungsi dan tugas-tugas seorang yang dilantik itu. Memang pada masa yang lampau bila perlantikan itu dijalankan kita dapati bahawa tempoh tiada dihadkan dan juga pengawasan pun tidak dijalankan, adakah orang-orang yang dilantik ini benar-benar menjalankan

tugasnya. Menurut Seksyen 3 (5) jika seseorang tidak berada pada tempatnya melebihi satu bulan ianya bolehlah dibatalkan perlantikannya, tetapi selama ini saya tidak tahu ada beberapa orang telah terlibat dalam kes ini di mana Peguam Negara telah menggunakan kuasanya untuk menggantikan orang yang tidak menjalankan tugas seperti mana yang dikehendaki di bawah Akta yang berkenaan.

Perkara yang kedua, yang perlu saya sentuh ialah mengenai cara perlantikan. Memang Peguam Negara adalah berhak mengikut budibicaranya untuk melantik seseorang sebagai Notari Awam di bawah Akta yang berkenaan tetapi dari pandangan kita dan juga menurut Akta itu sendiri ialah perlu in consultation with Bar Council sebelum sesuatu perlantikan dijalankan tetapi saya harap diskriminasi tidak seharusnya berlaku perlantikan bila Peguam Negara diberikan kuasa untuk melantik seseorang sebagai Notari Awam di bawah Akta yang berkenaan.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mcm-pengerusikan Mesyuarat*)

Umpamanya, hanya orang-orang yang menyokong dasar Kerajaan atau yang ada hubungan rapat dengan Peguam Negara atau mempunyai kepentingan yang ada berkaitan dengan Kerajaan, baharulah dilantik. Orang-orang yang berkelayakan seperti mana yang termaktub dalam Akta itu sendiri tetapi mereka menentang dasar Kerajaan tetapi tidak dilantik sebagai Notari Awam di bawah Akta yang berkenaan.

Di sini saya harap iaitu dasar diskriminasi tidak seharusnya berlaku bila perlantikan dijalankan oleh Peguam Negara kita, kerana di bawah Akta ini Peguam Negara adalah diberi kuasa sepenuhnya untuk melantik seseorang walaupun dia ada meminta nasihat daripada Bar Council tetapi salahguna kuasa mungkin akan berlaku atau pilihkasih akan berlaku bila tidak ada satu badan untuk meneck atau mencegah perkara ini berlaku.

Perkara yang ketiga, ialah saya harap bila perlantikan dikuatkuasakan adalah wajarnya bagi Kementerian atau Peguam Negara menjalankan pemeriksaan menjejut dari masa ke semasa. Janganlah hanya orang yang dilantik itu pada nama dia sebagai Notari Awam tetapi dia langsung tidak ada di

pejabatnya, tetapi hanya menjalankan perniagaannya sendiri atau hanya menjaga kepentingannya sendiri. iaitu sekurang-kurangnya satu tindakan kawalan, tindakan pemeriksaan perlu diambil untuk memeriksa bahawa orang-orang yang dilantik untuk menjalankan kerja ini adalah benar-benar duduk di pejabatnya bagi menjalankan kerja yang diberikan. Ini adalah sangat mustahak. Saya harap Yang Berhormat Menteri Undang-undang nanti boleh memberikan satu jaminan kepada Dewan ini bahawa abuse of power atau pilihkasih tidak akan berlaku dan juga satu sistem kawalan perlulah diadakan untuk memeriksa dan mengawal tiap-tiap pegawai yang dilantik itu sepertimana yang termaktub dalam Akta yang berkenaan.

Sekian sahaja, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri menjawab.

Dato' Seri Haji Hamzah bin Haji Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, tentang definisi Notari Awam sebagaimana saya katakan tadi selain daripada tanggungjawab dan tugas-tugas lain; Notari Awam khususnya tanggungjawabnya ialah memperakui surat akuan yang akan digunakan di mahkamah luar negeri, itu tugas utama yang penting bagi dia.

Tentang perlantikan Notari Awam ini sebagaimana rayuan Ahli Yang Berhormat tadi supaya dilakukan dengan tidak ada sikap diskriminasi dari pihak saya, suka saya beri jaminan bahawa siapa sahaja yang dilantik menjadi Notari Awam adalah orang-orang yang bukan sahaja saya anggap layak, kenal banyak orang, Peguam yang dikenali oleh bilangan ramai orang di tempat-tempat yang berkenaan tetapi juga diberi pengakuan layak oleh Bar Council dilantik menjadi Notari Awam.

Suka saya memberi jaminan di sini bahawa perlantikan pegawai ini tidaklah berlandaskan pendirian mereka di dalam satu-satu badan siasah. Suka juga saya menyatakan bahawa satu daripada sebabnya pindaan ini dikemukakan ialah untuk mengawasi supaya

pegawai Notari Awam yang dilantik ataupun yang telah dilantik betul-betul menjalankan tugas, kerana sebagaimana saya katakan tadi, pada masa yang lepas, selepas dilantik menjadi Pegawai Notari Awam dengan tidak tempoh ditentukan, banyak sudah berlaku keadaan dalam mana orang-orang yang dilantik itu tidak menjalankan tugasnya dengan sempurna, sebagaimana yang telah saya nyatakan dalam ucapan pembukaan saya waktu membentangkan Rang Undang-undang ini tadi. Dan Dengan kerana ini kita telah mengadakan undang-undang pindaan yang menghadkan masa perkhidmatannya setakat setahun sahaja dan selepas setahun, kita mengkaji semula perjalanannya sebagai Pegawai Notari Awam dan kalau sekiranya kita dapati bahawa orang yang berkenaan itu tidak menjalankan tugasnya dengan baik, umpamanya, sebagaimana Ahli Yang Berhormat kata tadi tugas luar daripada jurisdiction ataupun kawasannya, kita akan mengambil tindakan memberhentikan dia menjadi Pegawai Notari Awam selepas setahun dia bertugas, yang pada masa lepas kita tidak boleh lakukan. Jadi dengan adanya pindaan ini kita akan memberi jaminan bahawa kita akan mengawasi lebih-lebih lagi perjalanan pegawai-pegawai ini supaya mereka betul-betul dapat menjalankan tugasnya.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *memperkerusi* Jawatankuasa)

Fasal 1 dan 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG
KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA
(PINDAAN)**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.14 ptg.

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Datuk K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 1980 dibaca kali yang kedua.

Seperti yang jelas dari kenyataan yang terdapat dalam Bil ini sendiri Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 1980 ini adalah bertujuan untuk membolehkan Menteri menetapkan tarikh atau tarikh-tarikh bagi penguatkuasaan peruntukan-peruntukan yang berlainan dalam Akta Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 1979, dan soalan-soalan yang berkaitan dengannya.

Mungkin Ahli-ahli Yang Berhormat masih ingat bahawa peruntukan yang terdapat dalam Akta Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 1979 dahulu mempunyai dua aspek yang berasingan. Sebahagian daripada peruntukan-peruntukan itu ialah mengenai soal-soal pentadbiran, iaitu berkenaan dengan taraf PERKESO sebagai sebuah badan berkanun dan peraturan-peraturan yang berkaitan dengannya, Aspek kedua, yang paling penting, ialah mengenai perbekalan-perbekalan yang membolehkan Pertubuhan itu membuat bayaran faedah yang lebih kepada pekerja-pekerja atau tanggungan-tanggungan mereka, apabila mereka ditimpa kemalangan atau meninggal dunia akibat kemalangan yang menyimpannya.

Aspek yang kedua ini juga mengandungi peruntukan-peruntukan yang bertujuan untuk menyenangkan atau memudahkan lagi pihak-pihak majikan memenuhi tanggungjawab masing-masing dalam mematuhi kehendak-kehendak Akta.

PERKESO, sejak awal-awal lagi, telahpun memberitahu semua majikan melalui surat pekelilingnya tentang cadangan Pertubuhan itu hendak melaksanakan Akta Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 1979 mulai 1hb Januari, 1980. Semua majikan telah juga

memberi kerjasama mereka dengan mematuhi peraturan-peraturan baru seperti yang terdapat dalam Akta pada tarikh yang telah ditetapkan itu.

Malangnya aspek yang pertama tadi itu yang bertujuan untuk menjadikan PERKESO sebuah badan berkanun telah tidak dapat dilaksanakan serentak pada 1hb Januari, 1980 oleh sebab beberapa masalah yang berkaitan dengan perjawatan dan perkhidmatan kakitangan yang sekarang sedang bekerja di Pertubuhan itu telah timbul. Ini memerlukan lebih masa lagi untuk dibereskan. Disebabkan hal ini penguatkuasaan Akta tersebut telah tidak dapat disiarkan dalam Warta Kerajaan seperti yang dikehendaki oleh Undang-undang.

Pindaan yang dicadangkan sekarang ini akan dapat mengatasi masalah perundangan yang telah timbul itu. Dengan lulusnya pindaan yang dicadangkan ini peraturan-peraturan yang terdapat dalam Akta Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 1979 itu akan dapat diselaraskan dengan keadaan yang terdapat sekarang dan kesulitan atau kekeliruan tentang penguatkuasaan undang-undang itu tidak akan berbangkit lagi.

Oleh yang demikian, adalah dicadangkan supaya tarikh berkuatkuasa bagi melaksanakan peruntukan-peruntukan berkaitan dengan faedah-faedah tersebut diwartakan untuk dikuatkuasakan mulai daripada 1hb Januari, 1980, seperti telahpun dinyatakan dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dato Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Suatu Akta untuk meminda Akta Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 1979 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Oleh kerana tidak ada bahasan, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangan dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *memperkerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 dan 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG
MEMBAHARUI UNDANG-UNDANG
(PERKAHWINAN DAN PERCERAIAN)
(PINDAAN)**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.20 ptg.

Dato' Seri Haji Hamzah bin Haji Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama "suatu Akta untuk meminda Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976" dibaca pada kali yang kedua sekarang.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, dalam persidangan Dewan Rakyat dan Dewan Negara dalam bulan Mei 1973 kedua-dua Dewan itu telah melantik satu Jawatankuasa Pilihan Bersama untuk mengkaji Rang Undang-undang Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian). Setelah menjalankan kerja-kerjanya menemui orang ramai di beberapa bandar besar Jawatankuasa ini telah mengadakan mesyuaratnya yang terakhir pada 10 hari-bulan Jun 1974 untuk menimbang dan meluluskan laporannya. Perkara ini telah dibawa ke sidang Jumaah Menteri pada 2 hari-bulan Julai 1974.

Oleh kerana beberapa sebab yang tidak dapat dielakkan Rang Undang-undang tersebut tidak dapat dibentangkan di sidang Parlimen bulan Julai 1974 dan telah dibentangkan di sidang Parlimen bulan Julai 1975 untuk bacaan kali pertama sahaja dan di sidang Parlimen yang berikutan untuk

bacaan kali kedua dan ketiga. Ianya mendapat persetujuan Di Raja dalam tahun 1976. Namun demikian Akta ini belum dapat dikuatkuasakan lagi oleh kerana masih ada beberapa kesulitan yang belum dapat diatasi dan beberapa perkara yang masih tertinggal. Penelitian yang lebih mendalam lagi telah dibuat dan hasil dari kajian tersebut telah menelurkan beberapa pindaan yang didapati perlu.

Dua pindaan adalah dibuat bagi seksyen 3. Pindaan yang pertama, kepada seksyen-kecil (3), meluaskan lagi bidang kuasa Mahkamah untuk memberi dikri perceraian kepada suami atau isteri yang tidak bersamasama memeluk agama Islam apabila pihak yang satu lagi telah memeluk agama Islam. Dikri tersebut adalah sah terhadap pihak yang telah memeluk agama Islam. Pindaan yang kedua, kepada seksyen-kecil (4), memberi peluang kepada bumiputra Sabah atau Sarawak dan Orang Asli Malaysia Barat bagi memilih untuk berkahwin mengikut peruntukan Akta ini. Tanpa pindaan, Akta ini boleh dianggap seolah-olah tidak membenarkan mereka berbuat demikian oleh kerana undang-undang diri seseorang bumiputra Sabah dan Sarawak atau orang Asli tidak mengikat orang yang bukan bumiputra atau orang Asli.

Pindaan kepada seksyen 12 Akta tersebut membuat peruntukan tambahan mengenai persetujuan bertulis untuk berkahwin bagi orang-orang yang belum mencapai umur dua puluh satu tahun walaupun telah mencapai umur dewasa. Bagi mereka yang adalah anak di luar nikah, persetujuan ibu adalah perlu dan bagi anak-anak angkat, persetujuan bapa angkat juga diperlukan. Jika bapa angkat telah meninggal dunia, maka persetujuan ibu angkat adalah perlu. Di mana kedua-dua ibubapa sama ada ibubapa sebenar atau ibubapa angkat telah mati, orang yang mengambil tempat ibubapanya sebelum ia mencapai umur itu hendaklah memberi persetujuannya.

Pindaan yang dibuat kepada seksyen 21, antara lain, bertujuan untuk menghadkan perwakilan kuasa oleh Ketua Menteri atau Menteri Besar hanya kepada seorang Penguasa Pendaftar Perkahwinan sahaja. Dengan itu kawalan dan penyelarasan pemberian beberapa jenis lesen akan dapat dipastikan.

Pindaan kepada seksyen 28 adalah dicadangkan untuk membolehkan Pengarah, Jabatan Pendaftaran Negara di tiap-tiap negeri dilantik sebagai "Penguasa Pendaftaran Perkahwinan" yang mempunyai kuasa untuk mengawasi semua Pendaftaran. Ini adalah perlu kerana Penolong-penolong Pendaftaran bukan terdiri dari pegawai-pegawai Kerajaan. Pada hakikatnya mereka ialah yang bertanggungjawab mengenai berhala Hindu, Sikh, Cina dan sebagainya. Seksyen 30 perlu dipinda supaya pendaftaran perkahwinan dibuat dalam tiga salinan dan tidak lagi dalam bentuk "ledger-type". Dengan ini dapatlah dipastikan yang salinan asal dan salinan kedua dapat dihantar dengan cepat kepada Pendaftaran Besar dan Penguasa Pendaftaran Perkahwinan Negeri. Salinan ketiga pula akan diserahkan kepada suami atau isteri pada masa pendaftaran. Sistem catitan perkahwinan seperti ini boleh mengelakkan kerja salin-menyalin.

Pindaan kepada seksyen 31 menyusun semula seksyen itu untuk memastikan syarat-syarat yang terkandung dalamnya dapat difahami dengan jelas dan membekalkan Penguasa Pendaftaran dengan salinan kedua daftar dan pihak-pihak kepada perkahwinan dengan salinan ketiga.

Pindaan kepada seksyen 33 bertujuan membekalkan Pendaftaran Besar dengan salinan asal daftar perkahwinan, Penguasa Pendaftaran dengan salinan kedua dan pihak-pihak kepada perkahwinan dengan salinan ketiga.

Pindaan-pindaan juga dibuat kepada seksyen 44 dan 45. Seksyen 44 memberi kuasa khusus kepada Pendaftaran Besar sahaja untuk membetulkan apa jua kesilapan yang terdapat dalam daftar perkahwinan. Dengan pengkhususan kuasa ini, dapatlah dipastikan bahawa pembedulan itu dilakukan dalam bentuk yang sama dan dapatlah dielak berlakunya kemungkinan salah guna kuasa. Seksyen 45 memastikan agar semua catitan perkahwinan disimpan di Jabatan Pendaftaran Negeri supaya jabatan itu dapat memberi cabutan sebagaimana dan apabila diminta oleh pihak-pihak yang berkenaan.

Seksyen-seksyen baru 46A dan 46B memberi kuasa kepada Pendaftaran Besar untuk menyiapkan daftar-daftar perkahwinan yang baru:

(a) jika didapati bahawa ada daftar-daftar yang rosak, cacat atau tulisannya tidak

dapat dibaca lagi, guna mengganti daftar-daftar tersebut dengan mencatatkan semula butir-butir dalam daftar itu ke dalam daftar-daftar baru, atau

(b) untuk mengganti daftar-daftar yang hilang atau musnah, dengan Pendaftaran Besar mendaftar semula segala perkahwinan yang didaftarkan dalam daftar-daftar yang hilang atau musnah itu.

Pendaftaran Besar juga diberi kuasa untuk merekod catitan-catitan perkahwinan dalam daftar di atas mikrofilem dan di dalam komputer.

Pindaan kepada seksyen 51 bertujuan menjaga kepentingan isteri dan anak-anak di bawah Bahagian VII dan VIII Akta jika sekiranya sesuatu pihak kepada perkahwinan menukar ugamanya.

Pindaan bagi seksyen 58 pula memberi kedua-dua suami dan isteri hak yang sama untuk menama penzinah yang berkenaan jika alasan menuntut cerai itu ialah si suami atau si isteri telah berzina dengan seorang lain. Walaupun demikian, Mahkamah boleh mengecualikan si suami atau si isteri daripada berbuat demikian atas sebab-sebab khusus. Sekiranya si isteri yang menuntut cerai, maka perempuan yang telah berzina dengan suaminya bolehlah didakwa bersama si suami dan demikian juga sebaliknya, jika si suami yang menuntut cerai kerana si isteri didapati telah melakukan zina dengan seorang lelaki lain.

Seksyen 69 adalah dipinda untuk memberi kuasa kepada Mahkamah mengisytiharkan sesuatu perkahwinan itu tak sah sekiranya pihak-pihak perkahwinan itu bukan masing-masing lelaki atau perempuan. Ini adalah suatu alasan tambahan.

Oleh kerana Akta itu tidak dipakai bagi orang-orang beragama Islam, orang-orang Bumiputra dan orang-orang asli, adalah difikirkan patut menyimpan peruntukan mengenai pendaftaran perkahwinan-perkahwinan asing di bawah Ordinan Pendaftaran Perkahwinan 1952 supaya mereka yang berkahwin di luar negeri boleh mendaftar perkahwinan mereka di dalam negeri ini. Negeri-negeri Sabah dan Sarawak juga akan dapat mengadakan kemudahan ini apabila Ordinan tersebut diperluaskan ke negeri-negeri tersebut melalui Rang Undang-undang yang dibentangkan sekarang.

Setelah Akta ini dilaksanakan beban kerja akan berlipat ganda di bahagian Perkahwinan dan Perceraian kerana dijangka lebih kurang 110,000 perkahwinan akan terlibat di seluruh Malaysia. Untuk mempraktikkan undang-undang baru ini dengan sempurna dan saksama maka bahagian ini perlulah diperluaskan dengan melantik lebih ramai lagi pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan lain. Pegawai-pegawai yang sesuai ialah dari Jabatan Pendaftaran Negara oleh kerana Ketua Pengarah Pendaftaran Negara adalah penyimpan rekod-rekod mengenai pendaftaran perkahwinan dan patut mengambil alih tugas-tugas di bawah Akta ini. Dengan adanya rancangan Jabatan Pendaftaran Negara untuk menubuhkan pejabat-pejabat di daerah-daerah dengan diketuai oleh Pegawai Tadbir Am maka adalah sesuai bagi pegawai ini dilantik sebagai Pendaftar Perkahwinan. Di peringkat negeri juga beberapa jawatan tambahan diperlukan untuk melaksanakan Akta ini.

Kakitangan-kakitangan tambahan yang dikehendaki ialah 23 Pegawai Tadbir Am, 93 Pembantu Pendaftaran di Semenanjung; 6 Penolong Pegawai Pendaftaran, 6 Penyelia, 35 kerani, 1 jurutaip dan 1 mesenger di Negeri Sabah; 1 Pegawai Kanan Pendaftaran, 6 Pegawai Pendaftaran, 1 Penolong Pegawai Pendaftaran, 26 Penyelia dan 57 kerani di Negeri Sarawak. Juga diperlukan 1 Penasihat Undang-undang untuk menasihatkan Jabatan tersebut dari segi beberapa perkara yang melibatkan Akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dato Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Ahli Yang Berhormat dari Setapak.

4.34 ptg.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim (Setapak): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong pindaan Akta

Membaharui Undang-undang (Perkahwinan) dan Perceraian) 1976 yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Undang-undang dalam Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia memang terkenal sebuah negara yang mengandungi atau mempunyai berbagai kaum, agama, suku, adat-resam dan sebagainya. Selama ini kita dapati ramai di antara kaum-kaum yang bukan Islam menyalahafsirkan ke-longgaran daripada segi kebenaran berkahwin lebih daripada satu iaitu mengikut agama Islam boleh kahwin sehingga empat. Orang-orang bukan Islam kadang-kadang salahafsir dan menyalahgunakan perkara ini sehingga mereka itu oleh sebab keadaan agama mereka, mereka tidak boleh berkahwin lebih daripada satu, mereka masuk menjadi seorang pemeluk agama Islam dengan tujuan hendak kahwin lebih daripada satu supaya dapat menceraikan isterinya ataupun suaminya.

Jadi, saya berharap dengan adanya undang-undang yang baru ini dapatlah satu penyekatan ataupun dapat diadakan satu sistem yang menyusun dan membetulkan balik pemikiran yang salah itu. Jadi, dalam lain perkataan, kita tak mahu agama Islam sebagai Agama Rasmi di dalam negara kita ini disalahgunakan dan dijadikan sebagai satu batu loncatan untuk kerana hendak berkahwin lebih daripada satu.

Saya berharap juga dengan adanya satu pembaharuan pindaan Akta ini dapatlah pihak negara dan Kerajaan kita menyusun semula keadaan masyarakat kita yang berbilang kaum daripada segi bentuk perpaduan di dalam negara kita ini. Seperti yang saya terangkan tadi oleh sebab beberapa perkara yang berlaku sehinggakan golongan-golongan tertentu yang telah teraniaya kerana perbuatan suami ataupun perbuatan isteri mereka itu naik benci dan marah kepada agama Islam kita yang tidak berdosa ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya undang-undang ini juga, saya berharap pihak Kerajaan akan dapat membuat penyusunan daripada segi pembahagian harta secara adil sekiranya berlaku sebarang perceraian, terutama sekali pembahagian harta itu kepada anak-anak dan isteri, kerana kita lihat di dalam negara kita beberapa penganiayaan berlaku yang mana apabila

berlaku perceraian antara ibu dan bapa, anak-anak mereka itu teraniaya tidak dapat pembahagian harta ataupun layanan daripada pihak ibu atau bapanya.

Dengan ketiadaan undang-undang yang lengkap di dalam negara kita yang berbilang kaum seperti di masa lepas itu boleh menimbulkan suasana yang tidak sihat dan pemikiran yang tidak betul di kalangan generasi muda sehingga yang kita risaukan mereka akan benci kepada Kerajaan dan dengan agama di dalam negara kita ini.

Saya berharap dengan adanya sistem pembaharuan ini juga akan menjauhkan diri anak-anak generasi muda ini daripada senang dipengaruhi menganuti faham bebas, sebelah kiri ataupun faham komunis ataupun yang dikatakan faham free thinker.

Jadi kita mempunyai penuh harapan dengan adanya Akta Pembaharuan Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) ini dapatlah pihak negara kita menyusun rekod-rekod perkahwinan seperti yang diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi dengan bertambahnya pegawai yang hendak diadakan di peringkat Negeri dan juga di peringkat Daerah.

Saya menitik beratkan perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, sebab ada kaitannya dengan anak-anak muda kita yang menjadi penagih dadah. Salah satu daripada punca dan sebab-sebab anak-anak muda kita—itu bukan daripada anak-anak orang miskin—tetapi termasuk anak-anak orang kaya dan berada iaitu di dalam hasil siasatan kami apabila ditemuduga. Budak-budak muda itu menjadi frust. Mereka dalam keadaan serba salah kerana berlakunya perceraian di kalangan keluarga iaitu ibubapanya. Jadi untuk menghilangkan kerisauan dan frust mereka itu menghisap dadah. Saya berharap juga dengan adanya satu kuasa yang tertentu dan tersusun kita akan dapat mengelakkan anak-anak muda tersebut daripada dihindangi penyakit masyarakat seperti menghisap dadah, termasuk menjadi gangster dan sebagainya. Di kalangan anak-anak muda perempuan pula dalam beberapa siasatan yang kita semua tahu salah satu daripada

sebab punca yang menjadi bertambah banyaknya pelacur-pelacur di dalam negara kita ini adalah oleh sebab masalah kurang ketat atau sistem yang betul di dalam negara kita. Jadi saya berharap dengan adanya Akta yang baru dengan pindaan ini juga akan dapat mengurangkan pelacuran yang berkembang biak, kadang-kadang daripada suatu tempat ke suatu tempat di dalam negara kita.

Saya berharap dengan adanya Akta ini kalau dapat dilaksanakan dengan sempurna kita boleh menggalakkan perkahwinan campuran seperti yang dikatakan mixed marriages di dalam negeri kita ini. Ini salah satu daripada cara kita untuk mewujudkan perpaduan di dalam negara kita yang berbilang kaum dan berbilang agama di dalam Malaysia ini. Juga yang lebih penting demi untuk menjaga keharmonian seperti yang saya terangkan tadi masalah pembahagian harta, ini juga saya berharap pihak Kementerian Undang-undang dapat merangkumi salah satu daripada syarat-syarat di dalam pelaksanaan masalah perkahwinan dan perceraian ini dapat juga mengaturkan sistem pembahagian harga kepada keluarga-keluarga yang menempuh keadaan seperti ini.

Akhirnya, saya juga berharap dengan adanya pindaan ini tidaklah lagi ramai warganegara kita pergi ke luar negeri kahwin di luar negeri stail cowboy dan sebagainya dan apabila balik di sini dia kena kahwin sekali lagi. Jadi inilah harapan saya, dengan ini saya menyokong Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) (Pindaan) 1976.

4.43 ptg.

Puan Chow Poh Kheng (Ulu Selangor):
Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di sini untuk menyokong Akta Pindaan Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) (Pindaan) 1976.

Sejak Akta ini dikemukakan oleh Parlimen pada tahun 1976 kaum wanita bukan Islam di Malaysia bersabar menunggu-nunggu akan perlaksanaannya. Kaum wanita di negara ini akan mengalu-alukannya kerana Akta ini akan menjaga dan melindungi rumah tangga mereka. Kedudukan rumah tangga sesuatu masyarakat adalah menjadi

asas utama dalam konteks kenapa timbulnya Undang-undang Perkahwinan dan Perceraian ini. Akta ini menghendaki tiap-tiap pasangan yang ingin berkahwin mestilah disahkan oleh pihak Pendaftar. Sebarang perkahwinan yang dilakukan secara tradisi lama akan tidak diiktiraf setelah Akta ini dikuatkuasakan. Untuk mempercepatkan pendaftaran nikah kahwin seorang Penolong Pendaftar Besar dan seorang Penguasa Pendaftar hendaklah dilantik oleh Menteri untuk menentukan bidangkuasa dan tugas yang tertakluk dalam Akta pindaan ini. Saya percaya dengan wujudnya jawatan-jawatan ini maka masalah masa dan kesulitan-kesulitan akan dapat diatasi.

Perkahwinan secara tradisi kadang-kadang tertakluk kepada syarat-syarat yang tidak munasabah. Misalnya, seorang suami dibenarkan beristeri dengan beberapa orang lagi, manakala seorang isteri tetap dengan seorang suami sahaja. Dengan lain perkataan perkahwinan secara tradisi adalah bercorak poligami dan tradisi inilah seringkali menimbulkan sebab-sebab berlakunya perceraian, akibatnya rumahtangga berpecah-belah, anak-anak tidak ketentuan dan apabila mereka dewasa kelak mereka akan menjadi beban kepada negara. Mereka ini akan senang dipengaruhi oleh anasir-anasir jahat, melakukan jenayah dan melibatkan diri dalam kegiatan menyalahgunakan dadah. Perbuatan dan tindakan mereka ini akan mengancam keamanan dan kemakmuran negara.

Fasal 19 bertujuan membolehkan seorang isteri menjadikan pezinah perempuan yang dituduh, seorang pihak menentang bersama-sama seperti pezinah lelaki yang dituduh dijadikan pihak menentang bersama. Jika suami yang meminta perceraian dan menuduh perzinahan dengan itu ia memberikan keduanya suami dan isteri hak yang sama. Walaupun kaum wanita yang selalunya di pihak yang rugi, namun dengan adanya pindaan Undang-undang ini maka bolehlah dikatakan ianya adalah satu keputusan yang adil. Undang-undang telah memutuskan sesuatu pengadilan tanpa memandang facts jika kedua-dua pihak-pihak melakukan perzinahan. Sesuatu petisyen untuk perceraian di bawah keadaan macam ini boleh termasuk sesuatu permintaan supaya pihak menentang bersama itu dihukum membayar ganti rosak berkenaan dengan perzinahan yang dituduh itu. Seksyen kecil (23) dalam Seksyen 51 menyatakan bahawa:

“Mahkamah boleh, apabila membubarkan perkahwinan itu, membuat peruntukan untuk isteri atau suami, dan untuk nafkah, pemeliharaan dan penjagaan anak-anak dari perkahwinan itu. Jika ada, dan boleh mengenakan apa-apa syarat ke atas dikri pembubaran itu sebagaimana yang difikirkan patut”.

Pemeliharaan anak adalah lebih sesuai dan wajar diberikan kepada ibu, jika ibu itu seorang yang sihat keadaan mentalnya, manakala pihak bapa mengadakan perbelanjaan sara hidup. Jika pemeliharaan anak tidak betul maka kesnya akan berpanjangan bukan sahaja kepada kedua-dua orang ibu bapa bahkan kepada diri anak-anak itu sendiri. Mungkin mahkamah akan memutuskan dan memaksa anak-anak itu mengikut salah seorang ibu bapanya, tetapi saya berpendapat bahawa keputusan ini tidak akan menyelesaikan masalah dalam jangka masa yang panjang. Oleh itu adalah baik jika anak-anak itu sendiri diberi keutamaan untuk memilih, biasanya anak-anak lebih suka memihak ibu.

Berhubung dengan “incompatible marriage” maka adalah lebih baik dimansuhkan sahaja cara ini dari awal. Pemansuhan ini akan memberi kebebasan kepada kedua-dua pihak yang berkenaan supaya pihak suami tidak mengambil kesempatan iaitu kaum lelaki boleh melakukan sesuatu yang tidak diingini sambil menyimpan isterinya, manakala kaum wanita hanya terpaksa berdiam diri dan bersabar dalam rumah sahaja.

Berdasarkan kepada faktor-faktor yang nyata di atas, maka Akta (Pindaan) ini akan dapat menolong menyelesaikan banyak masalah pasangan suami isteri. Perkahwinan cara lama dan kuno patutlah dihapuskan sama sekali dan untuk selama-lamanya. Konsep perkahwinan lebih daripada seorang isteri sama ada dengan tujuan untuk memberi kemewahan hidup dan meningkatkan pengeluaran penduduk tidaklah boleh diterima dalam abad ini.

Oleh itu, negara kita hendaklah menanamkan fahaman dan pendapat yang maju untuk menyesuaikan keadaan hidup dan mengikut peredaran zaman jika kita mahu maju.

Akhir sekali saya ingin mengucapkan terima kasih atas pindaan Akta ini kepada Menteri yang berkenaan dan berharap pelaksanaan Akta ini akan dapat menolong kes-kes perkahwinan yang banyak merugikan

masyarakat kita. Di samping itu saya juga berharap dan akan mempertahankan sebarang usaha untuk menghapuskan Akta Perkahwinan moden ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Baling.

4.15 ptg.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad (Baling): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian dalam membincangan Akta membaharui Undang-undang Perkahwinan dan Perceraian tahun 1976.

Perkara pertama yang saya hendak sentuh di sini ialah mengenai pendaftaran perkahwinan di bawah Akta ini. Saya rasa syarat-syarat pendaftaran itu masih lagi dalam keadaan yang tidak menyentuh beberapa perkara yang mustahak dan penting yang menyentuh kepentingan negara kita iaitu yang pertamanya melibatkan perkahwinan warganegara Malaysia dengan warganegara asing di luar negeri.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana kerosakan bekalan elektrik, saya tangguhkan Dewan ini selama 20 minit.

Persidangan ditempohkan pada pukul 4.52 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 5.15 petang.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua mem-
pengerusikan Mesyuarat)

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sewaktu saya tempohkan mesyuarat tadi, Yang Berhormat dari Baling sedang berucap. Sekarang saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Baling untuk menyambungkan ucapannya.

5.15 ptg.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang satu perkara yang melibatkan perkembangan yang tidak sihat yang berlaku mengenai perkahwinan warganegara Malaysia dengan warganegara asing di luar negeri. Perkara ini sama-sama kita ketahui telah menimbulkan satu isu yang melibatkan kepentingan negara kita di masa hadapan.

Apa yang saya hendak sentuh yang ada kaitan dengan Rang Undang-undang ini ia-

lah supaya sesuatu pendaftaran perkahwinan yang melibatkan perkahwinan warganegara Malaysia dengan warganegara asing hendaklah dijalankan secara yang teratur dan secara yang rapi supaya penyelewengan-penyelewengan seperti ini tidak berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini sepertimana mengenai pendaftaran tidak memberi suatu panduan (guidance) yang teliti kepada wakil-wakil seperti Pesuruhjaya-pesuruhjaya Tinggi di luar negeri bagi merangka suatu peraturan yang teratur dan teliti apabila sesuatu pendaftaran itu hendak dibuat yang melibatkan perkahwinan antara rakyat Malaysia dengan warganegara asing. Dan penyelewengan yang terjadi di dalam soal perkahwinan warganegara Malaysia dengan warganegara asing ini boleh membuka mata kepada kita untuk menetapkan satu peraturan yang lebih rapi mengenai pendaftaran perkahwinan bagi rakyat Malaysia yang berkahwin dengan warganegara asing.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengharapkan bahawa Rang Undang-undang ini tidak merupakan suatu pintu penutup kepada amalan poligami dan ini bukan bermakna hendak menggalakkan poligami tetapi suatu salah faham yang luas berlaku dalam soal ini di mana orang beranggapan bahawa amalan menutup sama sekali amalan poligami itu sebagai suatu langkah yang tamadun. Dan soal poligami ini dikaitkan dengan soal kemunduran dan tidak bertamadun. Kerana apabila poligami ini ditutup terus pintunya ini akan mendorong amalan-amalan yang tidak sihat yang lainnya seperti menyimpan wanita-wanita simpanan yang juga akan menjadi masalah sosial yang hebat dan dahsyat kepada negara kita. Amalan-amalan yang seperti ini sudah tentulah tidak mungkin diamalkan bagi sebuah negara yang berdasarkan kepada prinsip-prinsip akhlak dan moral yang tinggi.

Saya bersetuju bahawa poligami ini bukanlah suatu amalan yang dapat dilakukan sewenang-wenangnya tanpa peraturan yang tertentu. Bahkan mengikut Islam soal perkahwinan ini terdapat empat hukum yang kadang-kadang sekiranya seorang itu tidak perlu berkahwin kerana tidak cukup nafkahnya dan apabila dia tidak berkeupayaan untuk berkahwin di waktu itu atau apabila dia melakukan perkahwinan maka perkahwinan itu merupakan suatu perbuatan yang haram kerana dia tidak dapat memikul

tanggungjawab-tanggungjawab di dalam perkahwinan itu. Ini dalam soal perkahwinan yang pertama bukan lagi soalan perkahwinan yang kedua, yang ketiga atau yang keempat.

Ada kalanya perkahwinan itu makruh iaitu tidak digalakkan, ada kalanya perkahwinan itu wajib dan ada kalanya perkahwinan itu sunat iaitu mengikut keadaan-keadaan yang tertentu yang dipertimbangkan dari segi hukum, apa lagi seseorang itu hendak menjalankan poligami. Tetapi adalah tidak bijak dan tidak wajar untuk menutup terus poligami kerana terdapat pula keadaan-keadaan di mana poligami itu diperlukan, bukan sahaja oleh individu itu, bahkan oleh masyarakat keseluruhannya di dalam keadaan-keadaan di mana sesuatu perkembangan berlaku kepada masyarakat dan negara dan wanita-wanita memerlukan kepada pembelaan-pembelaan menerusi perkahwinan daripada kaum lelaki dan daripada masyarakat. Ini hendaklah difahami supaya apa yang ditimbulkan oleh wakil dari Ulu Langat tadi seolah-olah menggambarkan bahawa poligami itu satu perbuatan yang tidak bertamadun. Apabila sesuatu tuntutan terhadap masalah itu semua sekali kita tidak dapat menerima tuntutan-tuntutan yang berdasarkan kepada sentimen dengan tidak memikirkan keadaan-keadaan yang ditimbulkan oleh sesuatu ajaran atau sesuatu undang-undang.

Saya ingin juga menyentuh tentang satu perkara yang di dalam pindaan ini iaitu seksyen 3 mengenai pasangan orang-orang yang menganut Uagama Islam. Walaupun saya mengalu-alukan pindaan ini dan pindaan ini merupakan suatu perubahan kepada yang lama yang menimbulkan suatu perbincangan yang kontroversal mengenai hak orang-orang yang menganut agama Islam untuk didaftarkan di bawah undang-undang ini.

Satu lagi masalah yang tidak disentuh ataupun tidak dapat diselesaikan oleh pindaan ini ialah mengenai orang-orang yang bukan beragama Islam—kedua-duanya iaitu suami dan isteri yang salah seorangnya menganut agama Islam. Di sini timbul suatu masalah yang tidak dapat diselesaikan secara sempurna oleh pindaan ini iaitu orang-orang itu sudah tentulah oleh kerana berlainan agama, maka ia dengan sendirinya batal perkahwinannya, tetapi di dalam pindaan ini akan berlaku perceraian hanya apabila salah

satu pihak itu menuntut kepada mahkamah. Ini bermakna bahawa jika sekiranya kedua-duanya tidak membuat apa-apa tuntutan bermakna mereka meneruskan atau mereka akan terus tinggal bersama dan ini merupakan suatu yang berlawanan dengan agama yang dianuti oleh salah seorang daripada suami dan isteri itu. Saya rasa kekurangan ini perlulah dipertimbangkan supaya ia meliputi hakikat sebenarnya bahawa mereka itu terpisah. Saya mencadangkan bahawa ia terbatal dengan sendirinya dengan tidak lagi memerlukan kepada keputusan mahkamah di dalam soal ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengalu-alukan pindaan kepada seksyen 58 iaitu memberikan alasan yang sama di antara suami dan isteri mengenai perbuatan perzinahan di mana kedua-dua mempunyai hak yang sama untuk menuntut perceraian jika salah seorang daripadanya melakukan perzinahan. Ini saya rasa memberi suatu pencegahan kepada perbuatan zina yang banyak berleluasa dalam masyarakat walaupun perkara ini tidak dapat dihapuskan dengan Akta ini sahaja bahkan memerlukan sesuatu dasar yang lebih luas, dasar yang lebih tegas daripada Kerajaan iaitu mengharamkan semua sekali perbuatan-perbuatan curang dan hina yang seperti ini, tetapi ini adalah merupakan salah satu daripada usaha yang kecil untuk mengelakkan ataupun untuk mengihindarkan daripada perbuatan hina seperti ini. Perzinahan bukan sahaja mungkar kepada orang-orang Islam, tetapi ia adalah musuh kepada kemanusiaan keseluruhannya, tetapi amat ganjil bagi setengah-setengah negara moden yang mempertahankan perbuatan-perbuatan demikian walaupun ia bertentangan dengan kemanusiaan umumnya.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kota Melaka.

5.25 ptg.

Tuan Chan Teck Chan (Kota Melaka): Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya diberi peluang untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan ini.

Sebelum saya memasuki perbahasan mengikut peraturan-peraturan yang berikut, di sini saya ingin sekali bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Undang-undang iaitu

mengapa suatu Akta (Perkahwinan dan Perceraian) yang sudah diluluskan di Parlimen pada tahun 1976 tetapi ianya masih digantung di langit tidak dikuatkuasakan, tetapi hari ini Parlimen dibentangkan dan diminta untuk membaharui atau menyokong suatu Rang Undang-undang untuk meminda Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976. Ini adalah merupakan satu sistem perundangan yang sangat-sangat memajukan dan juga adalah merupakan satu laughing-stock di Malaysia. Satu undang-undang sudah diluluskan di Parlimen tetapi tidak dikuatkuasakan, melainkan Parlimen pada hari ini diminta untuk meminda Akta asalnya, apakah motif dan caranya Kerajaan untuk melaksanakan atau menguatkuasakan satu undang-undang yang sudah dikemukakan dan diluluskan oleh Dewan Rakyat? Maka Dewan Rakyat yang mulia ini dan rakyat Malaysia khususnya adalah berhak untuk mengetahui sebab-musabab Akta ini tidak dikuatkuasakan tetapi hanya digantung di atas langit dan hari ini kita diminta untuk menyokong pindaan ini. Saya langsung tidak faham di manakah lojiknya kita membuat satu undang-undang di Parlimen hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, disebabkan kecuaihan dan kesilapan Kerajaan untuk mewujudkan Akta itu—saya tidak berkata DAP menentang Akta yang baik ini yang boleh mengatasi berbagai masalah yang ada di Malaysia, disebabkan kerana Kerajaan masih belum menguatkuasakan sehingga menimbulkan banyak masalah dan keraguan di masyarakat kita, khususnya di masyarakat bukan Melayu. Adakah seorang suami yang beristeri dua, tiga, empat atau lima sah atau tidak sah. Inilah menjadi satu masalah yang besar yang dihadapi oleh mereka. Kalaulah undang-undang ini dikuatkuasakan maka ini adalah salah dari segi undang-undang tetapi kalaulah undang-undang ini masih digantung di langit ertinya sah atau tidak sah

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, undang-undang tidak digantung di langit, di gantung ada, tetapi di langit tidak ada.

Tuan Chan Teck Chan: Betul, apa sebab tidak dikuatkuasakan. Maka orang yang beristeri 2-3-4 adakah salah atau tidak salah. Saya, DAP tidak menggalakkan lelaki beristeri melebihi 2, kita adalah menentang,

satu sudah cukup supaya keharmonian keluarga boleh dijaga, itu memang nafsu manusia, kalau lebih banyak lebih baiklah tetapi bagi Malaysia, baik di masyarakat Islam atau di masyarakat bukan Islam kita perlu menghadapi satu masalah tetapi masalah sudah timbul, sudah berpunca dari penguatkuasaan undang-undang itu.

Saya harap Yang Berhormat Menteri Undang-undang boleh menjelaskan kedudukan yang sebenarnya dari segi undang-undang dan sebab-musabab ianya tidak boleh dikuatkuasakan dan apakah kedudukan yang sebenarnya yang dihadapi oleh rakyat bukan Melayu yang sudah beristeri melebihi dua, adakah mereka dijel atau dihukum di bawah Akta ini, maka itu satu masalah pokok yang perlu diperhatikan oleh Yang Berhormat Menteri Undang-undang.

Di bawah pindaan, umpamanya, bagi Clause 12, Tuan Speaker, disebabkan kerana sebelum penguatkuasaan Akta itu maka ramainya rakyat, khususnya rakyat bukan Melayu tidak sedar bahawa dari segi undang-undang kalau mereka sudah berkahwin dalam tempoh yang ditetapkan mereka perlu memberitahukan Pendaftar supaya kedudukan perkahwinan mereka boleh disahkan. Lihat hari ini banyak masalah-masalah sosial sudah berlaku sehingga suami-isteri yang sudah berkahwin walaupun mengikut tradisi masyarakat masing-masing sudah beranak terpaksa dipisahkan, terpaksa dicerai kerana di bawah Akta-akta yang berkenaan harus pulang ke negara asal mereka kerana kecuaihan mereka. Memang bukan setiap rakyat adalah pakar dalam undang-undang sehingga peguam sendiripun tidak berapa memahami undang-undang yang sebenarnya, tetapi ini adalah kesilapan Kerajaan yang mengakibatkan masalah yang saya sebutkan tadi. Maka sekarang Kerajaan perlu mencari satu solution untuk mengatasi masalah yang sebenarnya berpunca daripada kesilapan Kerajaan sendiri di bawah peraturan yang berkenaan. Kalau hanyalah minta isterinya pulang ke negara asalnya bolehkah ini mengatasi masalah yang sebenarnya mereka menghadapi tetapi ini bukan kesilapan mereka, ini adalah kesalahan Kerajaan sendiri kerana mereka tidak tahu adakah undang-undang ini sudah dikuatkuasakan. Mereka masih ingat kalau mengikut cara adat istiadat atau resam masyarakat masing-masing maka itu sah

tetapi mengikut undang-undang tidak sah tetapi undang-undang ini adakah sudah dikuatkuasakan? Tidak seorang yang tahu.

Saya yakin kebanyakan Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini masih tidak tahu perkara ini. Memang kita mengambil bahagian dalam perbahasan tetapi ini adalah satu akibat yang serius yang dihadapi oleh rakyat kita kerana kecuaiannya Kerajaan maka tidaklah seharusnya rakyat yang tidak tahu undang-undang ini atau tidak sedar undang-undang ini dihukum tanpa memperhitungkan dari segi perikemanusiaan.

Tuan Speaker, kita boleh memasuki lagi seksyen 58. Di sini saya merasa sangat-sangat terperanjat bahawa mengenai ganti rosak kerana perzinahan boleh dituntut terhadap pihak menentang. Tentu saya tidak menyokong. Sesiapa pun membuat satu perbuatan yang maksiat, berzina tetapi lihat undang-undang sendiri: melainkan jika dibenarkan oleh mahkamah atas alasan-alasan yang khas supaya ia tidak dijadikan sedemikian. Bolehkah Yang Berhormat Menteri Undang-undang memberitahukan Dewan ini apakah definasi tentang "alasan-alasan yang khas" supaya mahkamah boleh diberikan kuasa untuk menjadikannya tidak sedemikian. Ini undang-undang yang sangat kalam-kabut, Tuan Speaker. Kalaupun definasi tidak diberi mungkin hakim pun merasa kalam-kabut bila ia hendak memutuskan, bila ganti rugi akan berpunca daripada kerana perbuatan perzinahan di antara, baik di pihak lelaki atau pihak wanita. Tentu dalam undang-undang ini perlu disebutkan, umpamanya, (a), (b), (c), (d), (e), (f), maka di bawah alasan-alasan inilah barulah mahkamah boleh memutuskan sesuatu ganti-rosak, mana boleh berasaskan kepada alasan-alasan yang khas. Tetapi kita perlu memperhitungkan sensitiviti-sensitiviti yang ada di sebuah masyarakat yang berbilang bangsa di Malaysia hari ini kalau kita tidak membuat satu definasi yang jelas tentang alasan-alasan yang khas.

Saya harap Yang Berhormat Menteri Undang-undang yang membentangkan undang-undang ini boleh memberitahukan Dewan yang mulia ini apakah faktor-faktor atau unsur-unsur barulah boleh dianggap sebagai asas yang diterima sebagai alasan-alasan yang khas yang boleh dipandukan oleh seseorang hakim dalam mahkamah

untuk memutuskan sesuatu. Ini perlu dijelaskan, kalau tidak, tentu sangat bahaya, mungkin abuse of power akan berlaku, mungkin salah faham akan berlaku, mungkin akan menyinggungi perasaan atau akan menyinggungi sesuatu sensitiviti adat istiadat atau adat resam sesuatu masyarakat kaum yang ada di Malaysia hari ini. Saya harap Yang Berhormat Menteri Undang-undang bolehlah tolong sedikit memberikan definasinya.

Ada satu bab walaupun tidak begitu mustahak, saya harap Yang Berhormat Menteri Undang-undang boleh menjelaskan kedudukan perkahwinan di Akta itu, umpamanya, kalaulah perkahwinan atau kehidupan sejantina, ertinya sama-sama seksnya, bolehlah dianggap sebagai sah di segi undang-undang mereka adalah suami-isteri? Kalau mereka adalah sama-sama seksnya, lelaki dengan lelaki, perempuan dengan perempuan, adakah ini akan disahkan di bawah Akta itu, tetapi dalam undang-undang saya masih belum dapat tangkap mengenai perkara ini. Saya bukan penyokong (*Ketawa*) tetapi mungkin akan berpuncunya masalah bagi mahkamah memutuskan kedudukan perkahwinan sepertimana yang saya ada sebutkan tadi. Sekian, terima kasih.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, saya jemput menjawab.

5.39 ptg.

Dato' Seri Haji Hamzah bin Haji Abu Samah: Tuan Speaker, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan dan sebagainya terhadap undang-undang yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini.

Bagi menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka yang bertanya kenapa undang-undang ini telah digantung begitu lama, suka saya menyatakan bahawa implementasi undang-undang ini telah ditangguhkan dari segi pentadbiran oleh kerana apabila undang-undang ini telah diluluskan di Dewan ini pada tarikh yang berkenaan didapati banyak masalah-masalah pentadbiran dari segi implementasi timbul dan kerana itu didapati bahawa perlu diadakan undang-undang ini sebelum dapat dijalankan kehendak undang-undang ini

dengan memuaskan. Jadi penggantungan undang-undang ini bukanlah dengan kerana sebagaimana Yang Berhormat kata tadi kelalaian pihak-pihak yang berkenaan yang menjalankan kuatkuasa undang-undang yang berkenaan ini tetapi adalah oleh kerana apabila undang-undang itu diluluskan didapati banyak masalah-masalah yang timbul dari segi implementasi dan oleh kerana itu perlu diadakan undang-undang pindaan ini supaya dapat dijalankan kuatkuasa undang-undang ini dengan memuaskan.

Saya juga mengambil perhatian di atas pandangan-pandangan yang dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain dan saya berharap pindaan kepada undang-undang ini dapat mengatasi masalah-masalah yang mungkin berbangkit sebagaimana yang dibayangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 24 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, mesyuarat ditangguhkan hingga jam 2.30 petang hari esok, Khamis, 12hb Jun, 1980.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.45 petang.